ڤتيقن تيته
PETIKAN TITAH

"MENINGKATKAN mutu pendidikan secara menyeluruh ialah dengan memantapkan pendidikan di peringkat rendah. Ini termasuklah meningkatkan tahap kemahiran menurut piawaian kebangsaan yang ditanda aras dengan piawaian antarabangsa."
- Titah Sempena Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam Yang Berada Di United Kingdom dan Northern Ireland dan Penganugerahan Biasiswa 'Chancellor's Scholar' Universiti Brunei Darussalam, Sesi 2014/ 2015, London, United Kingdom.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pelita BRUNEI
ڤليتا بروني
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان
MANISNYA IMAN

"BAHAWASANYA Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam hendak berwuduk, lalu Baginda dibawakan dengan bejana yang berisi air dalam kadar dua pertiga mud."
- (Hadis riwayat Imam Abu Daud dan An-Nasa'ie).

TAHUN 60 / BILANGAN 4 | 10 JANUARI 2015 /1436 ربيع الأول 19 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

# Urus sistem pengangkutan darat secara sistematik



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menerima Buku 'Safe and Smart Driving in Brunei Darussalam' daripada Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof, selaku Pengerusi MKKJR sejurus melancarkannya.

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 7 Januari. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menekankan agar Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) sentiasa meningkatkan usaha dalam memberikan maklumat yang terkini dan tepat kepada pengguna.

Seterusnya, menerapkan agar langkah itu sebagai salah satu kaedah untuk memberikan perkhidmatan yang sebaik mungkin kepada pengguna.

Yang Berhormat menekankan demikian semasa melancarkan Buku 'Safe and Smart Driving in Brunei Darussalam' di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan, di sini.

Menurutnya, pelancaran buku tersebut adalah salah satu permulaan yang menggalakkan bagi tahun 2015 di mana pada tahun 2014 mengimbas beberapa perkara berkaitan dengan pengguna jalan raya, iaitu Pelancaran Land Transport Master Plan yang telah mengenal pasti empat strategi utama ke arah pembangunan sektor pengangkutan yang menyeluruh dan Kertas Putih Pengangkutan Darat sebagai asas kepada strategi Pengangkutan Darat Kebangsaan serta pelan pelaksanaannya.

Justeru itu, Yang Berhormat berharap agar usaha untuk mengekalkan momentum dan kewaspadaan pengguna perlu diteruskan justeru penerbitan buku itu adalah antara usaha berterusan untuk membentuk pengguna jalan raya yang bermaklumat dan mampu membuat tindakan yang bijak.

Ke muka 24

# Pembabitan sekolah swasta dihargai

**Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin**

**TUTONG,** Khamis, 8 Januari. - Langkah Persatuan Tanjong Maya Tutong (PERTAMA) patut diberikan sanjungan kerana ia adalah satu inisiatif yang memandang ke hadapan dan telah dilaksanakan sejak 25 tahun yang lalu.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail berkata, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Pendidikan amat menghargai pembabitan sektor swasta dalam sama-sama membangun negara dan memainkan peranan penting di bidang pendidikan terutama dalam sama-sama menanai hasrat dan menyumbang dalam merealisasikan pengisian Wawasan 2035 yang antara lain supaya Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya yang diukur melalui piawaian tertinggi antarabangsa.

"Saya juga mendapat maklum bahawa Sekolah PERTAMA adalah antara sekolah rendah di negara ini yang dapat mengekalkan pencapaian peratus kelulusan yang sangat baik dalam keputusan peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah, peratus kelulusan sepanjang 25 tahun yang lalu menunjukkan purata keputusan yang sangat baik dalam mana pencapaian adalah sentiasa melebihi 90 peratus," jelasnya semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Jubli Perak Sekolah PERTAMA.

Untuk mengekalkan dan meningkatkan kejayaan pencapaian sekolah, guru-guru dan pihak pengurusan sekolah, tegasnya, semestinya peka dan mampu menyesuaikan diri terhadap perkembangan pesat dan perubahan-perubahan yang berkaitan dengan keperluan pendidikan di negara ini misalnya Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) yang diperkenalkan pada tahun 2009 dan dilaksanakan pada masa ini yang memerlukan penyesuaian metologi pengajaran sesuai dengan perkembangan semasa.

Semasa berucap pada majlis yang diadakan di premis sekolah berkenaan di sini, Yang Mulia Dato Seri Setia juga mengambil maklum terhadap penubuhan sekolah berkenaan sebagai satu manifestasi yang menzahirkan permuafakatan dan kerjasama padu ahli-ahli PERTAMA, Tutong bagi menyahut peluang yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah DYMM pada menyediakan premis dan institusi pendidikan formal kepada rakyat dan penduduk di daerah ini, khasnya masyarakat setempat yang inginkan anak-anak mereka mempunyai pilihan untuk bersekolah di institusi yang dikendalikan oleh pihak swasta.

Ke muka 24



Muka 12

SELAWAT bukti kecintaan kepada Rasulullah



Muka 6

PASTIKAN pelajar baru dapat didikan sempurna

# Bagi mempelbagai ekonomi negara, PMKS terus diperkasa

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Bismillaahir Rahmaanir Raheem**

**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du**

ALHAMDULILLAH, dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, kita di negara ini, di sepanjang tahun Masihi 2014 telah dapat menikmati keamanan dan kesejahteraan.

InsyaaAllah, kita akan terus melipatgandakan usaha untuk mempertahankan keamanan tersebut di sepanjang tahun Masihi 2015 pula.

Dengan memasuki Tahun Masihi 2015, kita adalah semakin hampir kepada tempoh sasaran Wawasan Negara 2035. Dalam kira-kira 20 tahun itu, bukanlah satu tempoh yang lama. Kita tidak mempunyai banyak ruang untuk berlengah-lengah lagi. Kita mesti ada sikap dan pemikiran yang lebih progresif.

Dalam jentera kerajaan, beta telah pun memperkenankan sokongan Majlis Tertinggi Wawasan 2035 untuk melantik Peneraju-peneraju bagi strategi-strategi yang telah dikenal pasti dalam Wawasan 2035 dan beberapa tambahan strategi-strategi baru. Peneraju-peneraju tersebut terdiri daripada Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri yang bertanggungjawab terhadap bidang masing-masing.

Setiap peneraju adalah bertanggungjawab untuk mengenal pasti matlamat-matlamat strategik, menyedia dan melaksanakan pelan-pelan tindakan ke arah pencapaian Wawasan 2035, insyaaAllah.

Semuanya itu perlu disejajarkan melalui Majlis Tertinggi Wawasan 2035 bagi mengelakkan sebarang duplikasi serta bagi meraih impak dan keberkesanan optima.

Secara spesifik, pada misalnya di bidang pendidikan, beta adalah mengalu-alukan rancangan Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan strategi jangka sederhana dan panjang bagi memastikan kehadiran penuh kanak-kanak ke sekolah dan juga untuk memperolehi keberkesanan berganda bagi pengajaran dan pembelajaran di peringkat rendah dan seterusnya.

Kita telah menetapkan sasaran yang tinggi dengan sekurang-kurangnya 90 peratus daripada pelajar kita akan mendapat gred 'A' hingga 'C' dalam Penilaian Sekolah Rendah tahun 2017. Dalam masa yang sama, kita berharap usaha tersebut akan dapat membantu semua murid-murid di peringkat tersebut untuk memperolehi kejayaan yang lebih baik.

Bagi maksud ini, penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib, patutlah dikukuhkan lagi. Dengan cara ini, diyakini akan dapat membantu melahirkan generasi yang lebih berdisiplin dan dinamik.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Awal Tahun Baru Masihi 2015.

Dalam bidang ekonomi, Jabatan Perdana Menteri adalah sedang menyediakan Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang perlu dicapai oleh semua sektor ekonomi berdasarkan trajektori yang realistik bagi mencapai tonggak ekonomi dalam Wawasan 2035. Matlamatnya adalah, untuk meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dengan dua fokus utama.

Fokus pertama masih saja tertumpu kepada usaha mempelbagaikan ekonomi daripada banyak bergantung kepada Sektor Minyak dan Gas. Fokus kedua pula ialah untuk meningkatkan produktiviti.

Menyentuh mengenai isu produktiviti ini, kita masih saja mempunyai ruang yang sangat besar untuk memperbaikinya, sama ada di peringkat sektor swasta mahupun di sektor awam. Selain berkait rapat dengan penjanaan kapasiti atau *capacity building* dan penggunaan teknologi, ia juga banyak bergantung kepada aspek tabiat dan disiplin semua peringkat dalam usaha menyumbang kepada peningkatan produktiviti organisasi masing-masing.

Mengenai usaha mempelbagaikan ekonomi pula, sebagai usaha berterusan untuk memperkasa Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), kerajaan, melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, sedang giat merancang satu badan khas bagi membantu usahawan-usahawan tempatan kita.

Badan ini akan berperanan membina kapasiti PMKS supaya usahawan-usahawan tempatan boleh berkembang dan bersaing dalam pasaran, di dalam mahupun luar negara.

Beta berharap, kita akan sama-sama menikmati dan meraih peluang-peluang yang ada apabila kita merealisasikan Komuniti ASEAN pada penghujung tahun 2015 nanti.

Mengenai kualiti kehidupan, beta adalah mahu supaya pihak berwajib akan lebih tangkas dan cekap dalam menangani peningkatan bilangan jenayah, yang berlaku sejak dari beberapa tahun kebelakangan ini. Ini termasuklah jenayah bunuh, rompak dan curi. Tangani semuanya itu dengan bersungguh-sungguh dan tegas. Sekat ia daripada berlaku, dan jika sudah berlaku, cari mereka sampai tertangkap.

Lagi mengenai kualiti kehidupan ialah kesihatan. Berdasarkan hasil kajian, kesihatan di negara ini masih lagi membimbangkan. Kanak-kanak di bawah umur lima (5) tahun pada misalnya, ramai dari mereka itu mengalami masalah berat badan (*obesity*). Ini, mungkin saja berpunca, dari antaranya, kerana kurang mendapatkan pemakanan sihat, seperti buah dan sayur-sayuran. Jika ini benar, maka pihak berkenaan dan ibu bapa adalah penting untuk mengambil perhatian serta langkah bagi mengatasinya.

Kajian juga turut menunjukkan, bahawa lebih dari 50% kaum bapa adalah masih merokok, dan merokok itu pula dilakukan di dalam rumah dan di dalam kenderaan. Selain merosakkan diri sendiri, mereka yang merokok ini juga sebenarnya telah mendedahkan ahli keluarga mereka kepada bahaya sangat buruk, akibat dari asap rokok.

Ini semua memberi gambaran, bahawa kita dalam hal mengamalkan cara hidup sihat, belum lagi memuaskan.

Masyarakat masih perlu diberi pendidikan dan bimbingan, termasuk 'Pendidikan Pencegahan' bagi yang melanggar undang-undang dan hukum ugama, seperti terhadap perokok-perokok yang tidak menghiraukan amaran-amaran pihak berkuasa. Beta ingin mengingatkan kepada pihak-pihak berkenaan, supaya jangan hanya bercakap, tetapi bertindaklah dengan tegas dan konsisten sehingga tumpas kelakuan dan perbuatan melanggar undang-undang ini.

Akhirnya, beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peringkat dalam Perkhidmatan Awam serta Pasukan-Pasukan Keselamatan, termasuk mereka yang bertugas di luar negara; dan juga kepada mereka yang berkhidmat di sektor swasta, di atas usaha-usaha ikhlas mereka dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing bagi kesejahteraan negara.

Beta dan kaum keluarga beta juga tidak lupa merakamkan ucapan Selamat Tahun Baru Masihi 2015 kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini. Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan terus melimpahkan rahmat dan perlindungan-Nya kepada kita semua dan negara. Ameen Yaa Rabbal 'Aalameen.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Dari Sidang Pengarang.

**10 JANUARI 2015 BERSAMAAN 19 ربيع الأول 1436**

### PENJAGAAN KESIHATAN TERSERLAH DENGAN PEMBUKAAN PPKK HOSPITAL RIPAS

INFRASTRUKTUR terbaharu yang membuktikan komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap menjaga kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Berdiri megah di atas bukit sambil menyerlahkan seni bina yang mudah menarik perhatian orang awam, Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak (PPKK) Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) akan beroperasi pada 12 Januari ini. Bangunan itu sendiri adalah mercu tanda terbaharu yang menghiasi latar langit (skyline) Bandar Seri Begawan. Sesuai dengan fungsinya sebagai pusat rawatan bagi para wanita dan kanak-kanak, bahagian luaran bangunan tersebut dihiasi dengan warna-warna tertentu yang membuat penampilannya kelihatan comel dan ramah.

Di sebalik aspek luaran yang sebegitu, kita lihatlah juga aspek dalamannya, iaitu peranannya sebagai cabangan khusus sesebuah hospital berwibawa yang dilengkapi dengan alat-alat canggih dan pakar-pakar perubatan.

Dan dari sudut tersebut, kita boleh mengamati salah satu di antara pelbagai lagi jenis komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap menjaga kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Dari aspek-aspek kewangan, keselamatan sivil, keagamaan, pendidikan, kebudayaan, perumahan dan sebagainya hinggalah ke aspek kesihatan, pihak kerajaan tidak pernah kendur-kendur melaksanakan tanggungjawabnya terhadap kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Sesuai dengan tajuk ini pula, komitmen kerajaan bagi kesihatan bermula sejak 1907 lagi, iaitu sebelum kemerdekaan Negara Brunei Darussalam. Manakala sejak kemerdekaan, kerajaan tanpa henti-henti memperuntukkan ratusan juta ringgit setiap tahun bagi membiayai, mengukuh dan mengemaskinikan sistem infrastruktur kesihatan negara.

Komitmen tersebut tidaklah terhad pada pembinaan infrastruktur fizikal akan tetapi dilaratkan sejak dahulu lagi pada perihal berkaitan seperti penyediaan elaun-elaun tertentu bagi para pesakit yang menghidap penyakit-penyakit tertentu.

Itu dari segi bantuan kewangan, manakala dari segi membantu pemulihan pula, mulai 1 Januari 2011 tempoh cuti bersalin adalah ditambah menjadi 105 hari bagi para ibu yang bekerja di sektor Perkhidmatan Awam. Malah keistimewaan tersebut juga dilaratkan kepada para ibu yang terdiri dari rakyat dan penduduk tetap yang berkhidmat di sektor swasta.

Namun, pada waktu yang sama, pihak kerajaan juga sentiasa memberi peringatan kepada rakyat dan penduduk di negara ini secara tersurat dan tersirat akan hakikat bahawa seelok-elok keberkesanan ubat di dalam merawat penyakit, lebih elok lagi mengelakkan diri daripada menghidap penyakit.

Justeru, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, perihal aktiviti bersenam kian diberi tumpuan, di mana bersukan beramai-ramai bersama para pemimpin negara adalah menjadi perkara rutin sekarang.

Tak kurang juga dengan penggubalan rang undang-undang bagi menghentikan sikap merokok semata-mata untuk membantu rakyat dan penduduk agar tidak terdedah dengan penyakit-penyakit yang berkaitan dengan merokok.

Tumpuan terbaharu ialah bagi menangani isu obesiti dalam kalangan kanak-kanak yang berusia di bawah lima tahun.

Pada dasarnya, pelbagai usaha pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam aspek kesihatan adalah untuk memastikan agar rakyat dan penduduk negara menikmati gaya hidup yang sihat.

Sekali sekala kita terlupa untuk menjaga kesihatan kita disebabkan pelbagai faktor seperti kesibukan menjalani kehidupan sehari-hari. Mujurlah kita dikurniakan kerajaan yang prihatin terhadap kesihatan rakyat dan penduduk.

Dan pihak kerajaan buktikan keprihatinannya secara nyata dengan penyediaan infrastruktur tanpa henti.

Justeru, lain kali apabila kita melintas atau memasuki bangunan sesebuah hospital awam atau menghayati kemudahan-kemudahan canggih yang melengkapi sesebuah hospital berkenaan, tidak salah kalau kita teringatkan jasa bakti kerajaan terhadap menjaga kesihatan kita.

Sesungguhnya, untuk membantu rakyat dan penduduk agar menikmati kesihatan sepanjang hayat, pihak kerajaan membelanjakan beratus juta ringgit setiap tahun. Dan jumlah peruntukan seumpama ini akan diteruskan sampai bila-bila. **- Ketua Penyuntingan (Mm).**





SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

**Pemberitaan/Rencana**
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor, Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli, Norliah Md. Zain, Hezlinawati Haji Abdul Karim, Ak. Jefferi Pg. Durahman, Haniza Abdul Latif, Abu Bakar Haji Abdul Rahman, Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman, Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Rohani Haji Abdul Hamid, Nooratini Haji Abas, Khartini Hamir, Saerah Haji Abdul Ghani, Aimi Sani, Noraisah Muhammed, Aryentty Haji Arifin, Mohammad Arif Matali, Hajah Sujimawati Mejari

**Ketua Bahagian Pelita Brunei**
Sastra Sarini Haji Julaini

**Ketua Penyuntingan**
Musa Mohidin, Hajah Zabaidah Haji Salat, Mohammad Rainie Haji Durani, Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

**Penyemakan**
Abdul Hadi Haji Suhaili, Haji Besar Haji Mamit, Hajah Norliha Haji Salleh, Ramlah Md. Nor, Nurul Hazwani Abu Omar, Siti Faizahanisah Awang Mahani, Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

**Juruteknik Foto**
Hatral Hazmi Abdul Hamid, Nurul Qaidah Ahmad, Nornasyirah Nordin

**Penyuntingan**
Samle Haji Jait, Siti Muslihat Haji Salleh, Abdullah Asgar, Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

**Penterjemahan**
Hajah Musmariani Haji Mohammad

**Pereka Letak**
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor, Haji Ahmad Haji Salim, Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi, Muhammad Hamdanajib Haji Domeng, Mohammad bin Kahar, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Hajah Raini Haji Bidin, Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail


| AMBULANS | POLIS | BOMBA | PENYELAMAT | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam | NDMC |
|---|---|---|---|---|---|
| 991 | 993 | 995 | 998 | 123 | 2380214 |

# Forum Kepimpinan Sekolah kenal pasti keperluan tenaga pengajar

Berita dan Foto : Kementerian Pendidikan



HADIR pada sesi forum ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.

**BERAKAS**, Rabu, 7 Januari. - Dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Kementerian Pendidikan mengadakan Forum Kepimpinan Sekolah 2015 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Turut hadir Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.

Forum diisikan dengan penyampaian sebuah kertas ucaptama oleh Ketua Penasihat Pendidikan Pearson (Chief Education Officer, Pearson), Sir Michael Barber.

Selain itu, forum turut mengongsikan amalan-amalan terbaik daripada dua buah sekolah pemangkin iaitu Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas (OKBI) Subok dan Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd Yusof yang telah menunjukkan peningkatan dalam pencapaian peratus lulus dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2014.

Sesi forum tersebut juga melihat keperluan dan kepentingan dalam mengenal pasti keperluan tenaga pengajar selari dengan tujuan utama sekolah dalam usaha mempertingkatkan segala usaha sekolah dan keperluan yang perlu ditangani dengan keperluan dan peluang pembelajaran yang profesional. Melalui autonami yang diberikan kepada pemimpin sekolah akan memberi impak positif yang signifikan kepada warga sekolah khususnya para pelajar.

Lebih 400 pemimpin sekolah yang terdiri daripada para pemimpin sekolah, timbalan-timbalan pengetua dan penolong guru besar dan guru-guru kanan.

Forum Kepimpinan Sekolah 2015 merupakan wadah bagi mempertingkatkan kualiti kepimpinan sekolah di Kementerian Pendidikan dan memberikan peluang kepada warga sekolah untuk mengemukakan dan mengongsikan pandangan masing-masing khusus dalam bidang kepimpinan sekolah.

Ia diadakan bagi memberikan pendedahan kepada pemimpin-pemimpin sekolah mengenai amalan-amalan terbaik yang boleh diaplikasikan di sekolah oleh pemimpin sekolah terutamanya dalam membina modal insan yang mempunyai kualiti pendidikan seiring dengan hasrat dan arah tuju Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) yang menjurus kepada Wawasan Brunei 2035.

Antara perkara utama dikenal pasti dalam memantapkan kepimpinan sekolah dengan autonomi yang diberikan kepada pemimpin sekolah ialah peranan pemimpin sekolah yang berkesan yang menumpukan perhatian dalam perkara-perkara utama dalam pembelajaran dan pengajaran dan pembaikan sekolah secara berterusan.

Perkara ini melibatkan kerjasama erat di antara tenaga pengajar dan komuniti sekolah dalam mengenal pasti percanggahan di antara perkara yang dibuat sekarang dan yang telah dirancang dalam membantu mencapai tujuan dan menutup ruang-ruang percanggahan bagi mendapatkan peningkatan dan menyediakan strategi pemantauan dalam berkongsi sama dengan komuniti sekolah sebarang perancangan dan perubahan yang dilakukan.

Pada tahun lepas (2014), dua buah sekolah ini adalah di antara 15 buah sekolah-sekolah pemangkin yang dikenal pasti mempunyai pencapaian peratus peperiksaan PSR di bawah 75 peratus dalam gred A-D.

Di bawah insiatif khusus Kementerian Pendidikan yang bermula pada bulan Ogos 2014, sekolah-sekolah ini telah berjaya meningkatkan pencapaian peperiksaan PSR 2014 pelajar-pelajar mereka. Sebagai contohnya, Sekolah Rendah OKBI Subok, telah menunjukkan pencapaian yang amat membanggakan dengan memperolehi sebanyak 67 peratus lulus pada tahun 2013 dan keputusan peperiksaan PSR sekolah ini telah melonjak naik kepada 93.1 peratus pada tahun 2014.

Manakala Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd Yusof pula menunjukkan peningkatan sebanyak 18 peratus daripada keputusan peperiksaan PSR 2013 apabila sekolah ini telah berjaya mencapai sebanyak 79.17 peratus lulus pada peperiksaan PSR 2014.

Turut hadir pada majlis ini, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi; Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz; Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Awang Haji Abd Rahim bin Derus, pengarah-pengarah, penolong-penolong pengarah, pemimpin-pemimpin sekolah dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.



FORUM Kepimpinan Sekolah 2015 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

# 48 PKT terima sijil tamat kursus asas

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Roslan bin Haji Taja'ah menyampaikan sijil kepada seorang peserta Kursus Asas Simpan Kira.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 7 Januari. - Seramai 48 Pencari Kerja Tempatan (PKT) menerima sijil masing-masing setelah menamatkan Kursus Asas Literasi Teknologi Info-Komunikasi (ICT) dan Kursus Asas Simpan Kira.

Daripada jumlah tersebut, seramai 29 orang menyertai Kursus Asas Literasi ICT dikendalikan oleh Syarikat Infomars Training & Technology Solutions Sendirian Berhad, manakala Kursus Asas Simpan Kira disertai oleh 19 orang dan dikendalikan oleh Syarikat Delloitte and Touche.

Majlis penyampaian sijil yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) itu disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Roslan bin Taja'ah.

Sasaran kumpulan bagi Kursus Asas Literasi ICT ini, ia dibukakan kepada pencari-pencari kerja tempatan yang berdaftar di Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK) yang tiada langsung pengetahuan dalam bidang komputer dan yang berminat untuk mengambil langkah pertama ke arah teknologi maklumat.

Bagi Kursus Asas Simpan Kira, ia dibukakan kepada pencari kerja yang berdaftar di APTK dan yang berminat di dalam Industri Perbankan dan mempunyai kelulusan Penilaian Menengah Bawah (PMB) ke atas.

Kursus ini merangkumi beberapa modul seperti 'Introduction to Business and Book Keeping', 'Imprest System', 'Subsidary Ledger' dan 'Records reconciliation' serta *trial balance*.

Antara lain tujuan Kursus Asas Literasi ICT adalah bagi memberikan pengetahuan dan kemahiran asas dalam bidang teknologi maklumat kepada pencari-pencari kerja tempatan yang berdaftar di APTK, di samping mengutamakan pekerja tempatan untuk mengisikan peluang pekerjaan di sektor swasta di negara ini serta mengeratkan hubungan dan kerjasama dengan pihak swasta dan kerajaan.

Sementara itu, Kursus Asas Simpan Kira pula bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan asas di dalam *book keeping*.

Para PKT yang berminat untuk mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan di agensi berkenaan boleh mendaftar terus ke agensi tersebut atau melayari laman Facebook APTK ataupun menghubungi talian 2223225 ext 135 bagi maklumat lebih lanjut.



TIMBALAN Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Roslan menyampaikan sijil kepada seorang peserta Kursus Asas Literasi ICT.

# Buku 'Safe and Smart Driving in Brunei Darussalam' jadi panduan



**MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar hadir bagi melancarkan Buku 'Safe and Smart Driving in Brunei Darussalam'.**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Haji Masmelah Haji Mohd. Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 7 Januari. - Buku 'Safe and Smart Driving in Brunei Darussalam' dihasrat akan menjadi panduan untuk semua pengguna jalan raya terutama sekali bakal pemandu dan pemandu yang sedia ada supaya mengamalkan sikap pemanduan yang selamat dan berhemah ketika memandu.

Majlis Pelancaran Buku 'Safe and Smart Driving in Brunei Darussalam' dilancarkan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar di Dewan Amar Pahlawan, kementerian berkenaan, di sini.

Buku tersebut mengandungi 23 Bab dan maklumat antara lain mengenai garis pandu, etika memandu selamat dan berhemah, akta-akta dan peraturan-peraturan lalu lintas yang mesti dipatuhi oleh pengguna jalan raya di negara ini.

Selain itu, buku tersebut juga mengandungi proses-proses permohonan dan membaharui lesen memandu dan kenderaan serta maklumat berkenaan dengan hal ehwal memandu dan ciri-ciri keselamatan kenderaan.

Buku itu merupakan usaha dan inisiatif Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) dengan usahasama Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) untuk mencapai aspirasi Negara Brunei Darussalam ke arah menjadikan sistem pengangkutan darat yang selamat dan efisien di negara ini.

Terdahulu, Pengarah Pengangkutan Darat, Dr. Haji Supry bin Awang Ladi, selaku Pengerusi Majlis Pelancaran Buku 'Safe and Smart Driving in Brunei Darussalam' berkata, buku tersebut merupakan buku edisi yang pertama di mana edisi seterusnya akan menumpukan pengemaskinian maklumat-maklumat yang sedia ada dan menambah isu-isu relevan sejajar dengan perkembangan semasa dengan membuka ruang usahasama yang meluas lagi dengan agensi-agensi yang berkenaan supaya terbitan buku itu nanti akan lebih mantap dan holistik.

Beliau seterusnya berharap buku tersebut akan dapat memberi manfaat kepada semua pengguna jalan raya dan orang ramai di negara ini, yang mana usaha dan kerja penerbitan buku berkenaan bermula dengan pengumpulan maklumat dan data sejak bulan Februari 2014 oleh pihak JPD, Kementerian Perhubungan dan hasil input dari ahli-ahli MKKJR serta agensi-agensi yang berkenaan.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd Yusof, selaku Pengerusi MKKJR; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dayang Hajah Airah binti Haji Abdullah serta para ahli MKKJR, pengarah-pengarah bahagian, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.



**MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah menyaksikan pameran sempena Majlis Pelancaran Buku 'Safe and Smart Driving in Brunei Darussalam'.**

# Pelbagai aktiviti disusun di Karnival Belia Cintai Rasul

**Oleh : Hajah Sujimawati Mejari**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BERAKAS**, Rabu, 7 Januari. - Karnival Belia Cintai Rasul sempena sambutan Maulidur Rasul 1436 Hijrah / 2015 Masihi diadakan bermula 7 Januari sehingga 11 Januari di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Pelbagai aktiviti telah disusun di sepanjang karnival ini antaranya Majlis Berdikir Maulud iaitu Malam Cinta Allah dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Pertandingan Pidato Antara Institut Pengajian-Pengajian Tinggi dengan tema 'Mencintai Rasulullah' dan Pameran Mencintai Rasulullah melalui gambar dan seni kaligrafi Islam.

Selain itu, karnival juga akan diserikan dengan forum bertajuk 'Rasulullah Sebagai Motivator dan Pendorong' termasuk Peraduan Membaca Jawi, Mewarna, Aktiviti Menunggang Kuda, serta gerai-gerai jualan makanan dan Bazar Belia.

Sehubungan itu, majlis pelancaran karnival telah disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Majlis pelancaran diserikan dengan persembahan qasidah oleh Kumpulan Kelab Qasidah Pusat Belia dan Kumpulan Al-Mawlid diikuti dengan Ceramah Khas bertajuk 'Belia Mencintai Rasul' disampaikan oleh penceramah undangan, Awang Hisham bin Ismail dari Pusat Da'wah Islamiah.

Majlis berakhir dengan bacaan doa selamat dan seterusnya tetamu kehormat menyaksikan pameran-pameran dan gerai-gerai jualan.

Karnival dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Kelab Jalinan Akrab Belia Terunggul (JABaT) dan dikelolakan oleh Battle Pro Marketing dan Management Services.

Turut hadir ke karnival ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman serta pegawai-pegawai kanan KKBS, JBS dan para belia PKBN.

Karnival ini diadakan bagi mendukung hasrat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah Negara Zikir.



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah ketika hadir pada Majlis Perasmian Karnival Belia Cintai Rasul.**



**PERSEMBAHAN qasidah oleh Kumpulan Kelab Qasidah Pusat Belia dan Kumpulan Al-Mawlid menyerikan Karnival Belia Cintai Rasul sempena sambutan Maulidur Rasul 1436 Hijrah / 2015 Masihi.**

**RALAT**

**TAJUK** cerita di muka depan Pelita Brunei Keluaran hari Rabu 7 Januari 2015 hendaklah dibaca 'Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak Hospital RIPAS : Beroperasi 12 Januari'. - **Penyunting.**

# Pelajar kongsi pengalaman ICT



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof, selaku Pengerusi AITI ketika hadir pada Majlis Presentation on the Internship Program by Inspire Student Batch 2, bertempat di Bangunan AITI, Berakas.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 7 Januari. - Seramai enam pelajar dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), Institut Teknologi Brunei (ITB) dan Politeknik Brunei dari kumpulan dua di bawah Program 'The INSPIRE (Internship Student Programme for ICT Related Education)' yang baru menamatkan program penempatan kerja selama enam bulan di MediaCorp (S) Private Limited, Republik Singapura mengongsikan pengalaman penempatan kerja mereka di Dewan Kerna Bangunan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI), Berakas.

Hadir pada sesi tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof, selaku Pengerusi AITI.

Ketua Pegawai Eksekutif AITI, Awang Haji Yahkup bin Haji Menudin dalam ucapannya menekankan bahawa Program INSPIRE bertujuan bagi membina pengalaman di tahap teknikal dan profesional yang akan melengkapkan para pelajar bukan hanya kemahiran teras teknikal bahkan kemahiran kehidupan sebenar (*real-life skills*) yang berkaitan di tempat kerja agar mereka lebih bersedia untuk berkhidmat kepada negara.

Menurut beliau, program tersebut berjaya mencapai matlamatnya di mana para pelajar meraih peluang-peluang yang berguna untuk diaplikasikan dalam pengetahuan, mengasah kemahiran teknikal dan menghadapi tekanan serta tanggung-jawab dalam persekitaran kerja yang sebenar.

Jelasnya, maklum balas daripada rakan-rakan di Singapura, khususnya para mentor dan penyelia pelajar adalah sangat positif dan kumpulan tersebut telah menunjukkan prestasi yang sangat baik dalam latihan mereka.

"Mereka telah menunjukkan sikap yang baik di dalam kerja-kerja mereka dan mempamerkan kesungguhan serta keinginan untuk belajar, dan keupayaan untuk menyelesaikan masalah dalam masa yang diberikan," ujarnya.

Program INSPIRE merupakan sebuah program penempatan kerja yang berprestij dari AITI yang akan menghantar pelajar-pelajar yang terpilih untuk bekerja di syarikat-syarikat ICT, media dan penyiaran di Singapura selama enam bulan.

Program ini menyediakan peluang-peluang bagi para pelajar untuk mengguna pakai dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka melalui pengalaman bekerja dan berinteraksi dengan pakar-pakar dalam persekitaran kerja sebenar.

AITI berharap apabila selesai program itu nanti, para penerima anugerah INSPIRE tersebut akan memperolehi pengalaman kerja yang berharga, di samping dapat menyediakan peluang pekerjaan bagi tenaga kerja tempatan apabila tamat pengajian nanti.

AITI berharap dapat menarik calon-calon yang terbaik untuk menyertai kumpulan seterusnya yang akan bermula pada Julai tahun ini, yang mana permohonan untuk kumpulan ke-3 akan dibukakan pada bulan Mac 2015.

Program INSPIRE akan terus menyediakan peluang kerja yang cemerlang dalam persekitaran profesional, di mana pelajar boleh menggunakan pengetahuan dan kemahiran mereka daripada pengajian.

Selain itu, mereka akan dapat meneroka kepentingan kerjaya mereka, memahami jangkaan tempat kerja dan juga membangunkan satu rangkaian profesional kenalan dalam bidang mereka.

Program ini juga disokong oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) dan dibiayai di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 bagi Program Pembangunan Kapasiti Tenaga Manusia.

# KUPU SB semarakkan Maulud dengan forum pelajar

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 7 Januari. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengadakan Majlis Forum Pejalar Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam 1436 Hijrah / 2015 Masihi di Dewan Serbaguna KUPU SB, di sini.

Forum tersebut adalah bagi menyemarakkan sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam dan mengambil iktibar dari sirah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ra'es KUPU SB, Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim.

Forum tersebut disampaikan oleh empat orang pelajar terdiri daripada pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Tahun Satu dan Dua dengan tajuk 'Rasulullah Qudwah Sepanjang Zaman'.

Sejurus selepas itu, majlis diteruskan dengan persembahan puisi dalam bahasa Arab dan terjemahannya yang bertajuk 'Maulidur Rasul Di Bumi Darussalam' yang masing-masing disampaikan oleh Awang Abd. Najib Sazwan bin Syahrani dan Awang Haji Jaya bin Haji Metussin.

Terdahulu, Pengerusi Majlis, Awang Haji Manan bin Haji Osman menerangkan forum tersebut dihasratkan bagi menghayati dan mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai ukhuwah hasanah sepanjang masa, di samping meningkatkan semangat bermasyarakat dan bersatu padu.



**UCAPAN alu-aluan yang disampaikan oleh Pengerusi Majlis, Awang Haji Manan bin Haji Osman.**



**ANTARA ahli-ahli panel ketika mengadakan forum yang bertajuk 'Rasulullah Qudwah Sepanjang Zaman'.**



# Pastikan pelajar baru dapat didikan sempurna

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 6 Januari. - Dalam usaha mewujudkan murid yang berilmu dan berkemahiran dalam pelbagai bidang sebagai aset negara yang paling berharga, Sekolah Antarabangsa Bright Jigsaw sentiasa memberi peranan untuk memastikan murid sekolah ini menerima didikan yang sewajarnya.

Musim persekolahan yang baharu sahaja bermula ini, sedikit sebanyak memberikan ilham baru bagi guru-guru dalam mendidik dan menyampaikan ilmu serta membentuk murid-muridnya untuk menjadi modal insan negara yang diharapkan.

Jumlah pelajar sekolah tersebut semakin meningkat setiap tahun dengan kemasukan pelajar baru menjadikan jumlah keseluruhan hampir mencecah 300 pelajar.

Pengetua sekolah berkenaan, Puan Catherine C.San Diego ketika ditemui berkata, tahun ini sekolah itu menerima jumlah pendaftaran yang meningkat, iaitu tertinggi dari tahun-tahun sebelumnya.

"Jumlah bilangan murid yang mendaftar dalam Tadika 1 sudah mencecah lebih 30 murid sehinggakan pihak sekolah membuka sebuah kelas baru bagi membahagikan murid-murid ini kerana biasanya sebuah kelas hanya akan dapat menempatkan 20 murid, begitu juga dengan bilangan murid Tahun 2 yang juga meningkat," ujarnya.

Bagi menampung keramaian murid yang bertambah, terangnya, pihak sekolah sedang membangunkan sekolah baru yang lebih besar dan selesa yang dijangka siap dalam dua ke tiga tahun mendatang.

Dalam hubungan ini, beliau mengambil kesempatan menyeru murid-murid di sekolah ini supaya mengambil peluang terbaik untuk meraih kejayaan dan kecemerlangan bukan sahaja dari segi pencapaian akademik, tetapi juga dari segi kokurikulum.

Pihak sekolah jelasnya, akan berusaha ke arah memastikan perkhidmatan pendidikan yang diberikan kepada para murid adalah terbaik.





**SUASANA kesibukan pelajar Sekolah Antarabangsa Bright Jigsaw di luar bilik darjah sebelum memulakan pembelajaran (kanan dan bawah).**

# Penuntut Tahun 9 SMSH mulakan sesi persekolahan





**PARA penuntut Tahun 9 Sekolah Menengah Sultan Hassan ketika melafazkan Ikrar Penuntut semasa berlangsungnya Majlis Pendaftaran Penuntut-Penuntut Tahun 9 di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.**

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

**TEMBURONG**, Selasa, 6 Januari. - Seramai 166 penuntut Tahun 9 Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH) Bangar akan memulakan sesi pembelajaran mereka setelah mendaftar untuk melanjutkan pengajian di sekolah berkenaan.

Majlis Pendaftaran yang diadakan di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan, diikuti lagu rasmi sekolah.

Ketika berucap dalam majlis itu, Pengetua SMSH, Awang Yusuf bin Haji Mohmad melahirkan harapan agar para penuntut terbaik meneruskan usaha serta sikap untuk ingin maju yang ditanam sejak Tahun 7 dan Tahun 8 dan akan dapat diteruskan pada Tahun 9, 10 dan 11.

Kenaikan para penuntut ke Tahun 9, ujarnya, merupakan satu rahmat untuk mereka melangkah lebih jauh lagi ke hadapan kerana di hadapan mereka ruang-ruang untuk melanjutkan pelajaran adalah terbuka luas.

"Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan memberikan peluang kemudahan untuk mengikuti sebarang pelajaran tanpa mengira bangsa apa sekalipun ke arah meningkatkan *survival* bangsa dan negara," jelasnya.

Majlis disusuli dengan lafaz Ikrar Penuntut diketuai oleh penuntut Tahun 10 'A' SMSH, Awang Daniel Radi bin Kennedy.

Para penuntut terbaik akan mengikuti beberapa program yang dikendalikan oleh sekolah berkenaan, iaitu 'Express Program' seramai sembilan penuntut, General Program (Aliran Sains) seramai 16 penuntut, General Program (Aliran Sastera) 68 penuntut, Applied Program seramai 27 penuntut dan Specialised Applied Program seramai 46 penuntut.

# PUISI KHAS ADI RUMI... PUISI KHAS ADI RUMI...

## MENUNGGU SALJI

Menunggu salji
seperti menunggu mutiara-mutiara dari langit,
namun tiada juga turun-turunnya,
sedang cucu-cucu ini tiada jemu-jemunya
terus bertanya, mana salji, mana salji
kami ingin bermain dengan salji.

Bermain dengan salji
memang igauan umum.
Kalau salji turun
itulah keseronokan,
terutamanya bagi kanak-kanak
seperti cucu-cucu kami ini.

Mereka tahu hanya seronok saja
cerita tentang seronok-seronokan,
tetapi kurang tahu tentang yang lain-lain,
tangan-tangan mereka dengan rakus ingin memegang salji
kaki-kaki mereka dengan rakus ingin memijak salji,
itulah puncak keseronokan.

Tetapi mereka tidak faham
salji juga seperti hujan,
jika ia lebat
risikonya adalah dahsyat
boleh mencetuskan huru-hara
dalam pelbagai bentuknya.

Ketika puisi ini ditulis,
Benua Eropah
sedang mengalami huru-hara
kerana salji turun dengan lebatnya
- menimpa -
benua tersebut.

Beberapa insiden serius dirakamkan :
beribu-ribu orang terjejas
bekalan elektrik putus
penduduk terperangkap
pelabuhan ditutup
penerbangan ditangguhkan.

Di Peranchis :
di wilayah *Savoie*
di kawasan pergunungan *Alps*
berbelas-belas ribu orang terperangkap
setelah salji, ya salji
turun dengan lebatnya.

Perkhidmatan feri
di pelabuhan Calais
(antara Peranchis dan Britain)
terpaksa ditangguhkan
kerana salji
dan angin kencang.

Hampir 2,300 orang
pendatang tanpa izin
di kawasan berhampiran pula
- terpaksa –
menahan kesejukan
sementara menunggukan
untuk dapat masuk ke Britain.

Di Jerman :
jalan-jalan licin,
juga akibat salji
yang menyebabkan sejumlah trak
terbabas teruk,
sehingga mencetuskan kesesakan.

Demikian sedikit gambaran
tentang akibat salji.
Tetapi ini semua cucu-cucu kami tidak tahu,
melainkan apa yang mereka tahu
cuma mahu :
bermain-main dengan salji.

**ADI RUMI**
The Dorchester, London.
28 Disember, 2014.

## SEPERTI SAJA BUMI INI SUDAH TIDAK TAHAN LAGI MENANGGUNG DOSA MANUSIA

(Ilham setelah melihat dan membaca kesan-kesan banjir besar yang melanda beberapa tempat di dunia)

Seperti saja,
bumi ini
sudah tidak tahan lagi
untuk menanggung dosa manusia?
Lalu diangkatlah
do'a ke hadhrat Allah :
"Ya Allah,
sudah banyak benar
dosa hambaMu. Ia . . .
berlaku di darat
berlaku di laut
berlaku di udara
berlaku di mana-mana . . .
sehingga tidak ada lagi
satu ruangpun
yang tidak dicemari olehnya :
satu pencemaran total
bersifat raksaksa,
yang cukup melemaskan
kerana asakannya,
yang cukup menjijikkan
kerana busuknya,
yang cukup menyakitkan
kerana risikonya,
oh Tuhan!
Kami sudah tidak tahan lagi menanggungnya
tolonglah kami,
bersihkanlah kami
daripada noda ini
daripada dosa ini."
Lalu –
dengan cara-Nya yang tersendiri
dan dengan ketentuan-Nya semata-mata
serta sesuai pula dengan hikmah-Nya,
maka diutus-Nyalah
bala tentera-Nya
yang bernama "hujan,"
untuk turun, ya turun
dengan mencurah-curah
dengan melimpah-limpah.
Nah, siapakah di antara kita
yang dapat menahannya?
Siapakah di antara kita
yang dapat menghalanginya?
Tidak ada! Tidak ada!
Ya, begitulah . . .
apa-apa jua
dari kalangan makhluk Allah Ta'ala
apabila ia dikehendaki
untuk menjadi tentera-Nya,
maka tidak akan ada lagi
sebarang lawan
yang boleh mengalahkannya,
datanglah pakar dari manapun
hadirkanlah teknologi yang
bagaimana canggih sekalipun,
tidak akan berjaya untuk
menyekat tentera Allah ini,
tidak akan mampu untuk
melawan tentera Allah ini
- walaupun –
ia cuma makhluk
yang bernama "hujan."
Ya, inilah hakikat
yang kita lihat
yang kita saksikan,
bahawa hujan itu mampu menenggelamkan
bahawa hujan itu mampu menghanyutkan
bahawa hujan itu mampu memusnahkan.
Apakah kita boleh
berunding dengan hujan?
"Wahai hujan,
janganlah turun,
kalau mahu turun juga
janganlah turun menimpa kami,
kasihanilah kami,
kami ini rakyat miskin,
rumahpun ala kadar
tidak tahan diuji,
sekali saja dirempuh air
boleh tercabut
dan hanyut.
Oh, hujan!
Kami tidak tertanggung
bencana banjir,
bila banjir,
nanti dapur kami di mana?
Bahan makanan kami bagaimana?
Pakaian kami
alat perhubungan kami
tanaman kami
ternakan kami,
apa akan jadi semuanya?
Oh, hujan!
Janganlah turun menimpa kami,
jika mahu turun juga
turunlah setakat untuk keperluan saja
atau jika mahu turun juga selebat-lebatnya,
maka turunlah jauh-jauh di laut
maka turunlah jauh-jauh di gunung,
oh, hujan!
Kasihanilah kami."
Begitu pendekatan orang miskin
begitu pendekatan rakyat yang lemah,
apa respons hujan?
Bolehkah hujan berjanji :
"Baiklah, rayuan ditimbangkan."
Apa boleh begitu?
Tidak boleh! Hujan tidak boleh berjanji
kerana hujan tiada kuasa apa-apa,
hujan sekarang adalah "tentera"
ia tidak boleh bertindak
di luar perintah.
Perintah hanya satu dan mutlak :
turun!
Turun dan turun
untuk mencipta banjir.
Jadi, saudara!
Ternyata di sini,
yang penting itu selaku hamba
ialah cepat-cepat rujuk kepada-Nya
dengan bertaubat
dengan beristighfar.

**ADI RUMI**
Rumah Hidayah,
Brunei Darussalam,
01 Januari, 2015.

# Sebahagian Jalan RIPAS ditutup sementara

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 7 Januari. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan memaklumkan kepada orang ramai terutama pengguna-pengguna jalan raya bahawa sebahagian jalan di Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (berdepanan dengan Hotel Badiah) telah pun ditutup buat sementara waktu.

Ini kerana JKR telah mendapati sebahagian jalan tersebut terturun menyebabkan jalan berkenan berlubang malam semalam.

Hasil daripada siasatan awal, JKR telah mendapati punca jalan yang terturun adalah kemungkinan disebabkan oleh kerosakan paip pembentungan bawah tanah yang menyalurkan kumbahan ke Loji Rawatan Pintu Malim.

Penyiasatan bagi mengenal pasti sebab-sebab jalan terturun sedang dilaksanakan dan kerja-kerja pembaikan akan dibuat secepat mungkin.

Demi keselamatan pengguna jalan raya, bahagian jalan tersebut telah ditutup sementara sehingga bahagian jalan berkenaan selamat digunakan.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk menggunakan jalan alternatif yang telah disediakan dengan kerjasama pihak Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas, Polis Diraja Brunei.

JKR menghargai kerjasama orang ramai dalam sama-sama menangani masalah tersebut dan pengguna jalan raya adalah dinasihatkan untuk mematuhi papan-papan tanda keselamatan yang telah disediakan.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak Jabatan ini melalui Talian Darussalam 123.




**RAJAH sebahagian jalan di Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (berdepanan dengan Hotel Badiah) telah pun ditutup buat sementara waktu, serta laluan sementara Jalan Tutong yang disediakan sebagai jalan alternatif yang telah disediakan dengan kerjasama pihak Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas, Polis Diraja Brunei.**

Cetusan Minda



Oleh:
Haji Mohd. Salleh
Abdul Latif,
Penerima Anugerah
Penulis Asia
Tenggara 1990
(The S.E.A.
Write Award 1990)

# Secuit Imbasan Semasa Perang Jepun

## CETUSAN MINDA Bil: 116

KISAH yang diceritakan oleh beberapa 'orang tua-tua' semasa Perang Dunia Kedua menjadi coretan dan inti pati penulis dalam cetusan minda kali ini. Istilah yang digunakan oleh pencerita-pencerita itu ialah Perang Jepun. Kisah ini dialami sendiri oleh beberapa orang pencerita tetapi pencerita-pencerita itu tidak mahu namanya disebut. Istilah 'orang tua-tua' yang penulis maksudkan di sini ialah mereka yang kini sudah berusia lebih 75 tahun. Semasa Pendudukan Tentera Jepun di Brunei selama tiga tahun setengah, iaitu dari awal Disember 1941 hingga 15 Ogos 1945, penulis belum lagi lahir. Penulis lahir pada 22 September 1947.

Pada 31 Disember 1941 beberapa wilayah Brunei, Sabah dan Sarawak sudah pun dikuasai oleh Tentera Jepun setelah berjaya menawan sebahagian besar Tanah Melayu (Malaya). Sebelum itu pada 11 Disember 1941 dua buah kapal perang British yang bernama 'H.M.S. Prince of Wales' dan 'H.M.S. Repulse' berjaya dikalahkan oleh Tentera Jepun. Kedua-dua buah kapal perang British ini berkubur di dasar Laut China Selatan berhampiran pantai Kuantan, Pahang. Tenggelamnya kapal perang British itu tidak sampai tiga hari selepas Tentera Jepun mendarat di Kota Bharu, Kelantan. Pada awal tahun 1942 semua Semananjung Tanah Melayu telah jatuh di bawah Tentera Jepun. Hanya Singapura sahaja yang masih dikuasai oleh British.

Pada 15 Februari 1942, tentera British menyerah kalah dan terus menandatangani perjanjian menyerah diri yang diwakili oleh Leftenan Jeneral A.E. Percival bagi pihak British dan Leftenan Jeneral Tomoyuki Tamashita menerimanya bagi pihak kerajaan Jepun, yang dilakukan di Singapura.

Semasa Pendudukan Tentera Jepun di Brunei, pencerita terkenang kehidupan orang Brunei begitu daif, dalam erti kata, begitu sukar untuk meneruskan kehidupan. Sumber mata pencarian terhenti. Awal pendudukan Tentera Jepun di Brunei itu semacam dialu-alukan oleh warga Brunei. Tambahan pula dimomokkan dengan slogan 'Kemakmuran Asia Timur Raya'. Negeri masing-masing akan kembali diperintah oleh anak-anak tempatan, konon-kononnya! Sebaliknya pula berlaku hidup bertambah susah.

Kehidupan di Bandar Brunei dan bandar-bandar lain sudah tidak selamat untuk didiami. Ternyata, kehidupan harian begitu sukar malah banyak keluarga terpaksa meninggalkan kampung halaman untuk mengongsi di kawasan-kawasan yang dianggap selamat.

Penulis pun teringat buku karangan Wigmore L., bertajuk 'The Japanese Thrust: Australia in the War 0f 1939 - 1945' terbitan Australian War Memorial, 1957, menceritakan bahawa pada 13 Disember 1941, satu pasukan Rejimen 124, Tentera Jepun, bertolak dari pelabuhan Cam Ranh, Indo-China, menuju sasaran tentera di Pantai Kalimantan Utara. Angkatan Tentera Laut Jepun itu terdiri daripada 10 buah kapal pengangkut dan beberapa buah kapal pembinasa. Pada 17 Disember 1941, angkatan itu sudah pun mendarat di Kuala Belait. Tau-tau Tentera Jepun begitu mudah sampai ke Kuala Belait.

Manakala itu, satu unit Tentera Jepun, di bawah perintah Kapten Koyama, telah pergi ke Bandar Brunei melalui Tutong, dan berjaya menakluki Bandar Brunei pada 22 Disember 1941. Kemudian pada 31 Disember 1941, kedudukan Tentera Jepun bertambah kukuh dengan kemasukan Panglima Perang, Jeneral Kawaguchi dari Infantari 124.

Nah, ketika itu pencerita jadi saksi mata melihat Jeneral Kawaguchi memegang pedang samurai. Itu pertama kali dalam hidup pencerita melihat parang yang begitu panjang, yang ketika itu langsung dia tidak tahu nama pedang itu adalah samurai. Mulanya disangkanya tombak atau lembing.

Pencerita pun menerangkan bahawa Tentera Jepun berjaya menakluki Pulau Labuan pada 3 Januari 1942. Dia masih ingat tarikh ini kerana salah seorang keluarganya berjaya balik ke Brunei dari Labuan.

"Dengan penaklukan Pulau Labuan maka sempurnalah sudah strategi operasi ketenteraan Tentera Jepun sekitar Teluk Brunei," kata pencerita itu. Ingatannya masih kuat. Katanya, bagi memudahkan operasi ketenteraan maka pihak Tentera Jepun telah menyatukan Negeri Brunei dengan wilayah-wilayah Limbang, Lawas, Sundar, Terusan dan Labuan. Kawasan yang disatukan oleh Tentera Jepun ini ditadbir oleh seorang penguasa yang berbangsa Jepun sebagai *gabenor*. Namanya Gabenor Kodomo. Markas pentadbirannya ialah dalam sebuah bangunan yang dipanggil sebagai bangunan Bumbungan Dua Belas, Jalan Kota Batu.

"Sebelum Tentera Jepun datang, bangunan Bumbungan Dua Belas adalah kediaman rasmi Residen British," kata pencerita lain.

Sejak pendaratan Tentera Jepun itu, mata pencarian terhenti. Hidup begitu susah. Makanan bercatu. Malah bagi mendapatkan makanan (sekadar pengalas perut) yang tidak seberapa dan kurang zat terpaksa menggunakan kupon. Pencerita sendiri pernah menukarkan kupon tersebut bagi mendapatkan secupak beras (abuk lebih banyak daripada beras), tiga ketul roti tawar dan segolong duit Jepun yang berlambangkan daun pisang. Menurutnya, apabila Jepun menyerah kalah duit Jepun ini berlambak disimpan oleh warga Brunei tetapi langsung tiada nilai. Ianya hanyalah kertas cetak yang tiada ciri-ciri keselamatan!

Pencerita itu mengisahkan bahawa orang tua dan keluarga terdekat yang lain membawa diri bersembunyi di Sungai Asam. Sepanjang tiga tahun Tentera Jepun menduduki Brunei majoriti penduduk Brunei yang tinggal di Bandar Brunei dan sekitarnya termasuk mereka yang tinggal di Kampong Ayer berhijrah ke kawasan-kawasan yang disifatkan mereka sebagai tempat persembunyian yang selamat. Kerana pihak Tentera Jepun mencari dan mengerah siapa saja terutama di kalangan remaja untuk dijadikan buruh paksa.

Tempat-tempat persembunyian yang dianggap selamat untuk didiami ialah kawasan-kawasan Sungai Asam, Talahak, Pirasong, Tentaya dan lain-lain tempat di pedalaman. Kawasan-kawasan ini pada ketika itu adalah kawasan belukar yang tebal. Kawasan hutan rimba yang cuma dapat didatangi dengan jalan sungai. Itupun memakan masa berjam-jam baru sampai dengan cara berkayuh. Hanya orang yang arif dan biasa mengalu sahaja yang tahu mengenai kawasan-kawasan persembunyian itu dan alur laluannya. Kawasan yang dilindungi oleh pokok-pokok bakau, tumbuhan liar, dan pokok hutan yang besar. Didatangi hanya dengan berkayuh melalui liku-liku anak sungai. Waktu itu belum ada jentera penggerak di air jenis *seagull* lima kuasa kuda. Belum ada.

Hidup begitu sukar. Kehidupan harian tidak menentu. Malah nyawa di hujung tanduk.

Ketika mengongsi di Sungai Asam itu, pencerita dan keluarganya yang lain pun menamam ubi kayu, dan belajar bersawah padi ala kadar. Apa-apa tumbuhan yang boleh dimakan maka itulah yang dimakan. Orang tua-tua tahu bahawa apa-apa tumbuhan dan buah-buahan yang dimakan oleh monyet, pasti boleh dimakan oleh manusia.

Ikan dipancing atau dipasang bubu di sungai. Mana-mana keluarga yang ada rambat atau jala dikongsi sama untuk merambat di sungai. Ikan-ikan yang didapat itu diagih kepada keluarga-keluarga yang lain. Sikap saling tolong-menolong begitu terserlah. Ubi kayu jadi makanan harian. Itupun dikongsi sama dengan keluarga lain. Hanya sekadar pengalas perut agar tidak kelaparan.

Yang amat mengharukan pencerita ialah ibu bapa sanggup berlapar asalkan anak-anak dapat makan seadanya. Makan apa saja asal tidak kebuluran. Masing-masing keluarga membawa diri bersembunyi ke kawasan-kawasan yang jauh dari Pekan Brunei. Sepanjang mengongsi tiga tahun enam bulan di Sungai Asam itu jarang sekali dapat menikmati tidur nyenyak. Takut dan bimbang.

Peperangan lebih banyak mendatangkan mudarat. Seorang pencerita lain pula memberitahu penulis bahawa semasa pendudukan Jepun di Brunei, ibu bapa dan keluarganya lain bersembunyi di Pirasong. Ibu bapa, abang dan kakak penulis pun juga bersembunyi di Pirasong. Ayah penulis yang meninggal dunia pada usia sekitar 43 tahun pada bulan Februari 1962 hanya sedikit bercerita tentang hidup mengongsi di Pirasong ini. Seingat penulis, katanya hidup begitu susah. Siang hari terasa begitu panjang. Malam pula lebih panjang dan menakutkan!

Semua keluarga yang mengongsi di situ serba-serbi kekurangan. Kurang makanan. Singkat perjalanan. Malah kehidupan perit itu memberi pengajaran untuk sentiasa bersyukur kepada apa yang ada meski cuma sekubit dan tidak seberapa, Memerah otak untuk memahami apa itu perjuangan hidup! Setiap orang dibungkus dengan ketakutan. Terdengar khabar bahawa Tentera Jepun sedang giat mencari belia untuk dikerah jadi buruh paksa. Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memberi kekuatan kepada mereka. Apabila Jepun menyerah kalah kepada Tentera Berikat pada pertengahan tahun 1945, dan Bandar Brunei kembali diperintah oleh Pentadbiran Tentara British (British Military Administration) mereka yang mengongsi dan bersembunyi antaranya di Sungai Asam, Pirasong, Talahak, Terusan dan lain-lain tempat lagi pulang semula ke kampung masing-masing terutama mereka yang tinggal di Kampong Ayer.

Banyak rumah yang tidak didiami sekian lama tambah rosak. Ada pula yang musnah sama sekali. Mana-mana lantai yang mumut diganti. Atap-atap yang bocor ditukar. Mana-mana tiang yang tidak tegap ditambah dengan tiang baru.

Mereka juga mendapati bangunan-bangunan yang terdapat di Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan) termasuk sekolah, masjid serta bangunan kedai habis musnah. Musnah akibat pengeboman berterusan yang dilakukan oleh Tentera Berikat yang bersungguh-sungguh bertekad menghalau dan mengusir Tentera Jepun dari Brunei.

Semua pencerita itu berkata bahawa pihak Tentera Berikat pulih semangat apabila Amerika Syarikat berpihak kepada mereka untuk terlibat sama dalam Perang Dunia Kedua. Sebelum itu, dari hujung tahun 1941 hingga pertengahan tahun 1945, pihak British langsung tidak berbuat apa-apa bagi mencegah kemaraan Tentera Jepun yang mendarat di Brunei. Waktu pendudukan Jepun di Brunei hidup begitu daif dan susah. Mana-mana keluarga yang tidak sempat melarikan diri dikerah untuk bekerja dengan Jepun. Murid-murid sekolah dikerah dan dipaksa untuk bercucuk tanam. Membuat baja dari tahi kerbau. Bertanam sayur dijadikan sebahagian daripada mata pelajaran sekolah. Di samping itu, murid-murid diperintah berjalan ala tentera sambil melagukan lagu Jepun. Siapa yang ingkar dan cuba melawan, nahas!

"….cara pemerintahan Tentera Jepun yang bersifat ganas dan garang, tidak bersopan santun dan sentiasa bercanggah dengan adat dan perilaku tempatan yang diperintahnya," tulis Pengiran Haji Mohamed Yusof Pengiran Haji Abdul Rahim dalam bukunya yang bertajuk 'Barat – Timur dan Bom Atom' terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2002, di halaman 16.

Muka surat 16 dan 17 buku tersebut juga mencatatkan, "Di Borneo Utara juga muncul gerakan yang dikenali sebagai 'Gerakan Oboe' yang mula bergerak pada akhir tahun 1944, tetapi kerana kekurangan pasukan penggempur serta kekurangan pengangkutan terutama perkapalan, Gerakan Oboe itu hanya dijalankan pada awal bulan Mei 1945 apabila Briged Ke-26 Tentera Australia mendarat di Tarakan, Sabah yang menerima tentangan hebat daripada Tentera Jepun di sana. Manakala Australia dari Divisyen Ke-9 meneruskan pendaratan di Pulau Labuan dan juga Brunei pada awal pagi 10 Jun 1945 dengan pendaratan di Muara, iaitu sebuah daerah kecil di Teluk Brunei yang tidak jauh dari Pulau Labuan tetapi Muara merupakan kemungkinan boleh menjadi tapak bagi pertahanan laut."

Pendaratan dan penawanan semula Pulau Labuan serta bandar-bandar di sekitarnya dan pendaratan di Pantai Muara, Brunei telah mendapat tentangan hebat daripada Angkatan Tentera Jepun. Menurut catatan yang terdapat di 'Japanese Peace Memorial' di Pulau Labuan, sejumlah 3,908 orang Tentera Berikat telah terkorban. Namun akhirnya, Tentera Berikat berjaya menawan seluruh Pulau Labuan, Tarakan, dan beberapa bandar lain di Borneo Utara dan Selatan, malah selepas mendarat di Pantai Muara pada 10 jun 1945, Tentera Berikat telah menduduki Bandar Brunei dan Tutong pada 16 Jun 1945. Brigedier Windeyer yang memerintah Briged Ke-20 telah mengusir Tentera Jepun yang berundur ke pedalaman Limbang, Temburong dan Kuala Belait. Kawasan minyak di Seria serta Lutong di Sarawak juga telah dapat diduduki, sementara kawasan minyak di Miri telah dikawal rapi oleh Briged Ke-20 dari Australia.

Kejayaan demi kejayaan dicapai oleh Tentera Berikat di bawah pemerintahan Jeneral MacAuthur, Ketua Pemerintah seluruh Tentera Berikat di Lautan Pasifik, yang berjaya membebaskan semula kawasan yang ditawan oleh Tentera Jepun di Asia Tenggara.

Jepun akhirnya menyerah kalah setelah sebiji bom atom digugurkan di Hiroshima pada 6 Ogos 1945. Dan digugurkan sebiji lagi bom atom di Nagasaki pada 9 Ogos 1945 yang menandakan penutup tirai Perang Asia Timur Raya yang berslogankan 'Kemakmuran Asia Timur Raya'.

Pada 15 Ogos 1945 Majlis Tertinggi Perang yang dihadiri oleh Maharaja Jepun sepakat untuk menyerah kalah kepada Tentera Berikat. Istiadat penyerahan rasmi kekalahan itu dilakukan di atas kapal perang 'Missouri' di Teluk Tokyo pada 1 September 1945. Jepun diketuai oleh Menteri Luar Momoru Shigemitsu dan Jeneral Umesu, Ketua Panglima Tentera Jepun. Pihak Tentera Berikat pula diketuai oleh Jeneral Douglas MacAuthur, Panglima Angkatan Perang Amerika Syarikat. Penyerahan terakhir Tentera Jepun dilakukan di Singapura pada 12 September 1945 yang ditandatangani oleh Field Marsyal Count Terauchi bagi kerajaan Jepun dan Lord Louis Monthbatten bagi pihak Tentera Berikat.

"Semasa dilahirkan, hampir semua perkara dalam hidup berada di luar kawalan kita. Tetapi, kerana kita bertambah tua, kita menjadi lebih bertanggungjawab kepada diri sendiri," kata pencerita itu, yang memaksa penulis berfikir berat!. Renung-renunglah!

***SEMASA Pendudukan Tentera Jepun di Brunei, pencerita terkenang kehidupan orang Brunei begitu daif, dalam erti kata, begitu sukar untuk meneruskan kehidupan. Sumber mata pencarian terhenti. Awal pendudukan Tentera Jepun di Brunei itu semacam dialu-alukan oleh warga Brunei. Tambahan pula dimomokkan dengan slogan 'Kemakmuran Asia Timur Raya'. Negeri masing-masing akan kembali diperintah oleh anak-anak tempatan, konon-kononnya! Sebaliknya pula berlaku hidup bertambah susah. Kehidupan di Bandar Brunei dan bandar-bandar lain sudah tidak selamat untuk didiami. Ternyata, kehidupan harian begitu sukar malah banyak keluarga terpaksa meninggalkan kampung halaman untuk mengongsi di kawasan-kawasan yang dianggap selamat.***

# MSPSBS utamakan kehadiran pelajar

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



PENGERUSI Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Dayang Hajah Zaiton binti Tuah menyampaikan taklimat mengenai persatuan berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 6 Januari. - Salah satu perkara utama yang perlu dipantau oleh ibu bapa dan penjaga ialah kehadiran pelajar setiap hari. Ini adalah kerana kurang 85 peratus kehadiran pelajar akan menyebabkan pelajar ditahan kelas pada sesi akademik tahun berikutnya.

Oleh itu, Pemangku Pengetua Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS), Dr. Hajah Zurina binti Haji Harun memohon kerjasama ibu bapa dan penjaga agar dapat memantau dan memastikan anak-anak mereka sentiasa hadir ke sekolah supaya tidak tercicir dan ketinggalan serta dapat mengikuti pembelajaran dengan sempurna.

"Pelajar-pelajar maktab dapat memohon satu daripada tiga kemudahan yang diberikan mengikut syarat-syarat tertentu, iaitu asrama, kenderaan dan elaun bulanan," jelasnya ketika ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI pada Majlis Kemasukan Pelajar Tahun 7, 2015 di auditorium MSPSBS di sini.

Dalam hubungan ini, pihak maktab, tambahnya, merasa sedih dan terkilan kerana ada beberapa kes penyalahgunaan permohonan elaun telah didapati, umpamanya menggunakan alamat lain, selain dari alamat di mana anak dan ibu bapa sendiri tinggal demi untuk mendapatkan elaun dan perubatan yang dianggap satu penipuan yang melibatkan kewangan kerajaan.

"Pada tahun ini seramai 297 orang pelajar telah menerima tawaran dan ditempatkan di 13 buah kelas. Di maktab ini juga hanya Program Pendidikan Menengah 'General' selama empat tahun disediakan, iaitu aliran Express," jelasnya terdahulu.

Sementara itu, semasa berucap pada majlis ini beliau menerangkan bahawa rakan-rakan mereka di sekolah lain juga akan menduduki Peperiksaan Kemajuan Pelajar (Student Progress Examination - SPE) pada penghujung tahun 2016. Pelajar maktab ini, katanya juga tidak terkecuali dari syarat-syarat kelayakan bagi kemasukan ke aliran Express yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

Dalam majlis tersebut, taklimat mengenai Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) MSPSBS turut disampaikan oleh Pengerusi PIBG, Dayang Hajah Zaiton binti Tuah.

Seramai 297 pelajar baru terpilih mengikuti pengajian Tahun 7 di maktab berkenaan yang mana pelajar-pelajar berkenaan telah berjaya memperolehi keputusan PSR yang cemerlang iaitu 5 'A'.

Bagi mengalu-alukan kedatangan pelajar baru ini, pihak maktab juga telah merangka Program Minggu Suai Kenal (PMSK) yang disusun khusus untuk memberi pendedahan awal kepada para pelajar tentang corak kehidupan yang bakal ditempuhi di maktab berkenaan.

PMSK akan diadakan selama tiga hari, iaitu 7, 8 dan 9 Januari 2015 bertempat di auditorium MSPSBS yang keseluruhannya mengandungi aktiviti-aktiviti yang menekankan beberapa aspek seperti disiplin dan sahsiah diri, hormat-menghormati, semangat *teamwork* serta pengurusan masa.

Melalui aktiviti-aktiviti tersebut, para pelajar diharap akan lebih bekerjasama, saling bantu-membantu, menerima rakan yang lain dengan seadanya, menjalin hubungan yang murni dengan semangat setia kawan yang jitu sebagai sebahagian daripada warga maktab.



PEMANGKU Pengetua Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS), Dr. Hajah Zurina binti Haji Harun.



SEBAHAGIAN pelajar lelaki Tahun 7 yang bakal menuntut di MSPSBS sesi tahun 2015 bersama beberapa tenaga pegajar MSPSBS, para pegawai pelajaran serta para ibu bapa dan penjaga.



PARA pegawai pelajaran, guru-guru, penuntut-penuntut serta para ibu bapa dan penjaga yang hadir dalam majlis ini.

# Berhati-hati dengan ancaman jenayah




MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita di negara ini hidup dalam keamanan selamat, aman, damai dan tenteram. Kehidupan yang selamat yang penuh keadaan damai dan tenteram ini merupakan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hambaNya. Keselamatan dan keamanan adalah asas dalam membina masyarakat dan negara yang inginkan kemajuan, kerana tanpa adanya keselamatan, keamanan dan ketenteraman, kemajuan tidak akan dapat dicapai. Oleh sebab itu, setiap negara mempunyai undang-undang yang mesti dipatuhi sebagai salah satu cara bagi mengekalkan keselamatan dan keamanan itu, ini termasuklah juga undang-undang yang berkaitan dengan jenayah yang jika tidak dibendung sudah setentunya boleh menggugat keselamatan sesebuah negara. Menjaga keselamatan itu adalah satu tanggungjawab dan jika dilakukan kerana Allah Subhanahu Wata'ala, maka akan dibalas oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan ganjaran pahala. Untuk itu, mewujudkan pasukan keselamatan yang terlatih dan berwibawa bagi menjaga keselamatan dan keamanan sesuatu negara itu adalah perkara yang penting bagi sesebuah negara. Ini jelas sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Anfaal ayat 60:

**Tafsirnya:** *"Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh) yang menceroboh dengan apa jua kekuatan yang kamu termampu dan daripada kuda-kuda yang disediakan untuk berperang, supaya kamu dapat menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu serta orang-orang lain selain daripada mereka itu yang kamu tidak mengetahuinya sedangkan Allah mengetahui mereka. Dan apa jua yang kamu belanjakan pada jalan Allah, akan disempurnakan ganjaran pahalanya kepada kamu dan kamu pula tidak dianiaya (tidak dikurangkan pahala)."*

Sememangnya pasukan keselamatan telah wujud sejak zaman khalifah Ar-Rashidin lagi. Sayyidina Umar Ibni Al-Khattab umpamanya telah membuat penyusunan pentadbiran bagi memastikan kelicinan jentera pemerintahannya dan antara perkara yang dilakukannya ialah mewujudkan sebuah pasukan keselamatan bagi menjaga keamanan orang awam. Sayyidina Umar Ibni Al-Khattab sendiri telah turut serta menjalankan tugas tersebut apabila beliau sendiri menjalankan rondaan pada waktu malam untuk melihat keadaan rakyatnya dan menjaga keselamatan serta kebajikan mereka.

Pada zaman Kerajaan Umaiyyah dan Kerajaan Abbasiyyah pula, telah wujud jawatan ketua polis iaitu Sahib al-Shurtah. Di Andalusia pula digelar Sahib al-Madinah dengan pasukan polisnya Shurtah al-Kubra dan Shurtah al-Sughra.

Tugas menjaga keselamatan adalah tugas kita bersama, oleh itu marilah kita sama-sama berganding bahu dalam menjaga keamanan dan mencegah jenayah dari berlaku dengan bekerjasama dengan Pasukan Polis Diraja Brunei sebagai tonggak utama menguatkuasakan undang-undang dan mengekalkan keselamatan negara. Peranan orang ramai adalah perlu bagi melaporkan sebarang kejadian jenayah yang berlaku di sekitar mereka. Kita hendaklah sentiasa berhati-hati dan berwaspada serta ingat mengingati sesama kita agar tidak menjadi mangsa penjenayah. Jenayah boleh sahaja berlaku dalam hal-hal tertentu antaranya disebabkan kelalaian, kecuaian dan sebagainya, namun jika orang ramai bekerjasama dalam mencegah jenayah, maka jenayah akan dikurangkan. Apa yang penting kita terapkan budaya bekerjasama dalam mencegah kejadian jenayah serta tidak camah mata. Ini bertepatan dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An Nisaa' ayat 85:

**Tafsirnya:** *"Sesiapa yang memberikan pertolongan yang baik, nescaya dia akan memperoleh bahagian (pahala) daripadanya, dan sesiapa yang memberikan pertolongan yang buruk, nescaya dia akan mendapat bahagian (dosa) daripadanya. Dan Allah adalah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."*

Pasukan Polis Diraja Brunei sekarang sudah berusaha hampir satu kurun lamanya, sudah setentunya mempunyai banyak pengalaman dan telah mengalami banyak perubahan dalam menghadapi pelbagai cabaran. Pada zaman dunia tanpa sempadan ini, negara kita tidak ketinggalan dalam mengalami arus komunikasi yang canggih. Dalam arus komunikasi yang canggih inilah penyaluran maklumat begitu pantas diterima. Sememangnya teknologi adalah memudahkan kita untuk berhubung dan mendapat maklumat dengan cepat dan mudah. Walau bagaimanapun perlu diingat teknologi tersebut juga boleh mendatangkan kesan yang tidak baik jika disalahgunakan serta menyebarkan maklumat yang tidak tepat, menyebarkan fitnah, mengaibkan orang lain dan sebagainya.

Dalam hal ini, pasukan polis telah mengambil langkah-langkah bagi memastikan trend komunikasi itu tidak akan menjejaskan ketenteraman awam dan demi memastikan hak-hak individu terjamin. Apa yang membimbangkan kebelakangan ini ada di antara kita yang menjadi mangsa penyebaran berita palsu dengan tujuan mengaibkan sesorang itu. Di dalam hal ini peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 499 Kanun Keseksaan, ada menyatakan:

"Barangsiapa dengan perkataan sama ada dituturkan atau dimaksudkan untuk dibaca atau dengan isyarat atau dengan perlambangan yang zahir, membuat atau menyiarkan apa-apa tohmahan mengenai mana-mana orang, dengan maksud hendak merosakkan atau dengan mengetahui atau dengan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa tohmahan itu akan merosakkan maruah orang itu dikatakan, memfitnah orang itu…"

Pada masa yang sama pasukan polis bersama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain bersedia dan mengatur strategi-strategi dalam penyiasatan jenayah seperti menubuhkan IT forensic dalam mengesan jenayah seperti ini, dengan harapan supaya si pelaku jenayah itu tidak akan sewenang-wenangnya mendatangkan keburukan kepada orang lain.

Akhir-akhir ini kes tipu menggunakan internet juga sering berlaku. Oleh itu kita hendaklah mengambil langkah berhati-hati dari ancaman jenyah trend baru ini seperti mengawal data-data peribadi di laman-laman daripada dicerobohi, dan yang penting jangan mudah terpedaya dengan tipu helah dari pihak yang sentiasa mengambil kesempatan di atas kelalaian orang lain. Apa yang penting juga ibu bapa mestilah mengawas anak-anak mereka kerana mangsa jenayah siber pada masa ini kebanyakan melibatkan anak-anak remaja.

Dalam menjaga keamanan dan keselamatan sesebuah tempat seperti kampung dan mukim, Pengawas Kejiranan Kampung juga berperanan penting dalam membasmi sebarang jenayah serta berganding bahu dengan pasukan polis. Pengawas Kejiranan Kampung boleh membantu pihak polis jika mendapati kes jenayah serta curi atau pecah rumah dengan melaporkan kejadian tersebut kepada pihak polis atau membawa penjenayah tersebut ke balai-balai polis, di samping menjadi mata telinga pasukan polis untuk melaporkan sebarang kegiatan anti sosial dan apatah lagi kegiatan yang boleh mengancam keselamatan negara.

Marilah kita sama-sama berusaha dalam memastikan undang-undang di negara ini dipatuhi dan dilaksanakan serta bekerjasama dalam memastikan keselamatan terus dapat dinikmati di negara ini. Marilah kita berganding bahu bersama dengan Pasukan Polis Diraja Brunei dalam membasmi jenayah demi agama dan demi kesejahteraan serta keimanan negara yang kita cintai. Mudah-mudahan negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi dari perkara-perkara yang tidak diingini. Amin yaa rabbal alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Maa-idah ayat 2:

**Tafsirnya:** *"….. dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketaqwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah Subhanahu Wata'ala). Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat seksanya."*

***AKHIR-AKHIR ini kes tipu menggunakan internet juga sering berlaku. Oleh itu kita hendaklah mengambil langkah berhati-hati dari ancaman jenayah trend baru ini seperti mengawal data-data peribadi di laman-laman daripada dicerobohi, dan yang penting jangan mudah terpedaya dengan tipu helah dari pihak yang sentiasa mengambil kesempatan di atas kelalaian orang lain. Apa yang penting juga ibu bapa mestilah mengawas anak-anak mereka kerana mangsa jenayah siber pada masa ini kebanyakan melibatkan anak-anak remaja.***

## وقت سمبهيڠ داءيره بروني موارا دان تمبوروڠ ، امساك ، شوروق دان ضحى

وقت سمبهيڠ ، امساك ، شوروق دان ضحى باڬي داءيره بروني موارا دري هاري سبتو 10 جنواري 2015 برساماءن دڠن 19 ربيع الأول 1436 هيڠڬ كهاري جمعة 16جنواري 2015 برساماءن 25 ربيع الأول 1436 اداله سڤرت دباوه اين:

| مسيحي جنواري | هاري | هجريه ربيع الأول | امساك | صبح | شوروق | ضحى | ظهر | عصر | مغرب | عشاء |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 10 | سبتو | 19 | 5.00 | 5.10 | 6.31 | 6.56 | 12.29 | 3.51 | 6.24 | 7.38 |
| 11 | احد | 20 | 5.00 | 5.10 | 6.32 | 6.57 | 12.29 | 3.51 | 6.24 | 7.38 |
| 12 | اثنين | 21 | 5.00 | 5.10 | 6.32 | 6.57 | 12.30 | 3.52 | 6.25 | 7.39 |
| 13 | ثلاث | 22 | 5.01 | 5.11 | 6.32 | 6.57 | 12.30 | 3.52 | 6.25 | 7.39 |
| 14 | رابو | 23 | 5.01 | 5.11 | 6.33 | 6.58 | 12.31 | 3.52 | 6.25 | 7.39 |
| 15 | خميس | 24 | 5.02 | 5.12 | 6.33 | 6.58 | 12.31 | 3.53 | 6.26 | 7.40 |
| 16 | جمعة | 25 | 5.02 | 5.12 | 6.33 | 6.58 | 12.31 | 3.53 | 6.26 | 7.40 |

وقت٢ سمبهيڠ باڬي داءيره توتوڠ دتمبه ساتو مينيت دان داءيره بلاءيت دتمبه تيڬ مينيت دان سمبهيڠ فرض جمعة دسلوروه نڬارا بروني دارالسلام دمولاءي دري ڤوكول 12.45 تڠه هاري






JALAN menuju ke Kampung dan Masjid Sungai Teraban, antara kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan (gambar atas) manakala gambar kiri demonstrasi membuat snek ikan oleh Biro Wanita Kampung Sungai Teraban.

Kenali Negara Kitani

# Menyusur Kampung Sungai Teraban

Rencana dan foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

PROGRAM Sua Muka Jabatan Penerangan telah menyelusur ke Kampung Sungai Teraban yang terletak dalam Mukim Kuala Belait. Jarak dari Pekan Belait ke Kampung Sungai Teraban lebih kurang 15 kilometer. Rombongan pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri Cawangan Daerah Belait yang diketuai oleh Pemangku Ketua Penerangan Belait, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail tiba di rumah Ketua Kampung Sungai Teraban, Awang Mohd. Mersidi bin Haji Mohd Shara yang siap menanti dan mengalu-alukan rombongan dengan mesra.

Kampung Sungai Teraban terletak di Tebing Barat Muara Sungai Belait. Kampung ini bersempadan Laut China Selatan sebelah utara, Sungai Belait ke Timur, Rasau ke Selatan dengan kampung-kampung di Kampung Sungai Tiga dan sempadan Malaysia di Sungai Tujoh sebelah Barat.

**Latar belakang**

Kampung Sungai Teraban pada mulanya dikenali sebagai 'Kampung Seberang' dan penduduk asli yang tinggal di situ merupakan Puak Melayu Belait yang kebanyakan nelayan. Menurut Ketua Kampung, nama kampung berasal dari bahasa Puak Belait 'Terabin' bermaksud tempat berehat dan perhentian menunggu kapal, perahu atau bot kerana Pusat Pentadbiran Kuala Belait pada zaman dahulu letaknya di Kuala Balai dan orang pertama yang datang ke kampung tersebut berasal dari Melanau, Sarawak dan juga Puak Belait yang membuka kampung berkenaan.

Awang Mohd Mersidi,55, dilantik sebagai Ketua Kampung pada 2 April 2002 merupakan generasi keempat dalam keluarga beliau menjawat sebagai Ketua Kampung Sungai Teraban. Sebelum dilantik menjadi Ketua Kampung, Awang Mohd. Mersidi berkhidmat sebagai tentera laut, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) selama lebih kurang 19 tahun.

Kampung Sungai Teraban berkeluasan 22km persegi bermula dari Tol Jambatan Rasau hingga kawasan Sungai Tujuh. Ketika ini, kata Awang Mohd. Mersidi, jumlah penduduk berkurangan dari 1,300 orang kepada 1,100 orang kerana mereka telah berpindah ke Rancangan Perumahan Negara (RPN) di Panaga, Lumut dan Seria serta ke daerah-daerah lain. Meskipun demikian, dijangka akan ada kemasukan baru dengan pembinaan rumah-rumah pangsa dan apartmen yang dibina di kawasan tadahan kampung berkenaan.

**Hasil Utama Kampung**

Memandangkan kampung tersebut, kampung nelayan yang diwarisi dari sejak dulu hingga sekarang dan terus berkembang menjadi kampung nelayan hingga ketika ini, hasil utama kampung sudah tentu perikanan dan produk yang mereka perkenalkan juga berasaskan sumber laut seperti snek ikan yang diusahakan oleh Biro Wanita melalui projek Satu Kampung Satu Produk (1K1P) selain mengusahakan dodol.

Majoriti penduduk kampung berugama Islam dan bangsa melayu yang berasal dari Melanau, Sarawak dan sudah lama menjadi warganegara Brunei paling ramai tinggal di kampung tersebut diikuti bangsa Cina dan sebilangan kecil bangsa asing seperti Indonesia, Thailand, Bangladesh dan India. Selain bergiat sebagai nelayan, ada juga yang berkhidmat dengan kerajaan, BSP dan syarikat-syarikat swasta yang lain.

Kampung Sungai Teraban boleh dilalui menggunakan bot merentasi Sungai Belait dan jalan darat melalui Jambatan Rasau yang menghubungkan Kampung Sungai Duhon ke Rasau. Sebelum jambatan tersebut dibina, penduduk kampung dan orang ramai yang hendak pergi ke negara jiran Miri, Sarawak, mereka menggunakan feri, satu-satunya laluan bagi kenderaan darat. Bagaimanapun sejak pembukaan Jambatan Rasau, sistem pengangkutan feri tidak lagi beroperasi kerana penggunaannya menurun, orang ramai lebih gemar memilih melalui jambatan berkenaan yang menjimatkan masa dan cepat tiba menuju ke destinasi.



Kampung tersebut tidak ketinggalan menerima kemudahan asas daripada pihak kerajaan seperti bekalan elektrik, air, telefon, jalan raya, sekolah rendah dan masjid.

**Sekolah**

Sekolah Rendah Sungai Teraban dibina di atas tanah seluas 10 ekar. Bangunan awal sekolah berkeluasan lima ekar dibina oleh penduduk kampung dan pada awal tahun 1968, bangunan sementara dibina dan diganti dengan bangunan kekal yang mula digunakan sepenuhnya pada tahun 1981 sehinggalah sekarang. Bangunan tersebut telah digunakan secara rasmi pada awal tahun 1983. Sistem persekolahan hanyalah pada sesi pagi dan digunakan oleh sekolah ugama pada waktu petang.

**Masjid**

Masjid Kampung Sungai Teraban dibina pada tahun 1994 dan siap dua tahun kemudian dengan kos sebanyak BND266,378.22. Kapasiti masjid boleh menampung kira-kira 1,400 orang jemaah. Di antara kemudahan yang terdapat di masjid tersebut seperti bilik menyempurnakan jenazah dan bilik kutubkhanah.

**Tempat Santai**

Tidak jauh daripada Balai Raya, telah dibina tiga buah pondok yang diusahakan secara gotong-royong oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Teraban dengan bantuan kerjasama Jabatan Daerah Belait yang digunakan sebagai tempat rehat dan melaksanakan sebarang projek dan aktiviti kampung serta bagi menceriakan lagi balai raya yang menjadi tumpuan utama masyarakat kampung menjalankan projek dan aktiviti mereka serta mengeratkan lagi perpaduan masyarakat kampung.

Pondok berkonsep tradisional itu diperbuat daripada bahan pohon nibong, papan dan zink dengan kos pembinaan dari hasil sumbangan penduduk kampung dan syarikat swasta yang bertapak di kampung itu sementara Jabatan Daerah membantu dari segi moral dan peralatan.

**Koperasi Kampung Sungai Teraban (KKST)**

Koperasi Kampung Sungai Teraban (KKST) Berhad merupakan koperasi yang ke-164 didaftarkan dibawah Akta Koperasi Penggal 84, pada tahun 27 Julai 1998 yang pada mula asal penubuhannya dikenali sebagai Koperasi Peladang. Antara aktiviti niaga yang dijalankan meliputi pengendalian stesen minyak, jualan minyak pelincir, jualan minuman, pendapatan tandas berbayar dan pendapatan komisen atas jualan.

**Masalah Yang Dihadapi**

Kampung Sungai Teraban yang menerima pelbagai kemudahan asas tidak terlepas daripada menghadapi masalah umpamanya lampu jalan raya terutama menuju ke masjid tidak mencukupi dan ada yang tidak berfungsi meskipun sudah dilaporkan kepada pihak-pihak tertentu. Begitu juga jalan raya banyak yang sudah rosak dan apabila musim tengkujuh jalan raya dan rumah-rumah penduduk kampung mudah dimasuki air.

**Penutup**

Melalui Program Sua Muka, segala maklumat yang diperolehi terutama masalah yang dibangkitkan oleh ketua kampung akan disampaikan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan untuk tindakan lanjut. Itulah salah satu fungsi Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri selaku mata, telinga dan lidah kerajaan bagi meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat serta rakyat dan kerajaan selain membarigakan maklumat dan program serta perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung melalui akhbar rasmi kerajaan PELITA BRUNEI dan menyampaikan maklumat serta isu-isu semasa dan dasar kerajaan.



PEMANGKU Ketua Penerangan Belait, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail bersama rombongan ketika berkunjung ke rumah Ketua Kampung Sungai Teraban, Awang Mohd Mersidi bin Haji Mohd Shara.

# Selawat bukti kecintaan kepada Rasulullah

**Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 8 Januari. - Umat Islam sentiasa digalakkan mengucapkan selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam setiap masa kerana hal sedemikian itu menandakan kecintaan dan kasih sayang kita kepada Baginda.

Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM), Awang Mohammad Sunadi bin Haji Buntar menyatakan perkara tersebut pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam anjuran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Katanya, sambutan Maulidur Rasul yang disambut setiap tahun adalah bagi memperingati Junjungan Mulia dan Rasul yang membawa sinar ke dalam kehidupan kita.

Tambahnya, nilai-nilai murni Baginda yang dijadikan sunnah kepada umatnya membentuk masyarakat yang bertakwa dengan rahmat yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di akhirat serta kehidupan ini dihayati secara berterusan dengan falsafah dan pegangan hidup kita sebagai Ahli Sunnah Waljamaah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof berserta pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis turut diserikan dengan ceramah khas yang disampaikan oleh Dekan Pelajar Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili dengan tajuk 'Kelebihan Selawat Hubung Kait Dalam Dikir Syarafil Anam' dan diteruskan dengan persembahan dikir oleh ketua-ketua kampung serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan DBM.

Antara lain majlis bertujuan untuk menyatukan warga kerja kementerian tersebut dan jabatan-jabatan di bawahnya dalam suasana yang mahabbah lagi penuh keberkatan, selain sebagai tanda kecintaan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis juga diselajurkan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya yang bersara, disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.**




**DEKAN Pelajar Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili semasa menyampaikan Ceramah Khas bertajuk 'Kelebihan Selawat Hubungkait Dalam Dikir Syarafil Anam'.**



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyampaikan sijil penghargaan kepada seorang pegawai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang bersara.**

# Pelajar Politeknik Brunei diraikan di Majlis Khatam





**TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Qur'an bagi pelajar-pelajar Politeknik Brunei (atas).**

**PELAJAR-PELAJAR lelaki dan perempuan pengambilan sesi pertama dan kedua dari Politeknik Brunei diraikan pada Majlis Khatam Al-Qur'an sempena Konvokesyen Politeknik Brunei Kali Pertama (atas kanan dan kanan).**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali**

**MADANG**, Khamis, 8 Januari. - Sempena Konvokesyen Politeknik Brunei Kali Pertama yang akan diadakan pada 15 Januari ini, kira-kira 112 orang pelajar perempuan dan 65 pelajar lelaki politeknik diraikan pada Majlis Khatam Al-Qur'an di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis/ Madang, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis ini ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail dan Datin.

**No.1. Tajuk Sebutharga: TO SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF LIGHTNING AND SURGE PROTECTION SYSTEM AT MUARA SIGNAL STATION**
**Bilangan Sebutharga: 037/JL/SH/2014/2015**
**Tarikh Tutup / masa: 14 Januari 2015 / 2.00 PM**

**No.2. Tajuk Sebutharga: MAINTENANCE OF DRAINAGE SYSTEM AT MARINE DEPARTMENT HOUSING**
**Bilangan Sebutharga: 038/JL/SH/2014/2015**
**Tarikh Tutup / masa: 14 Januari 2015 / 2.00 PM**

**Syarat-Syarat Tawaran Sebutharga:-**

1. Tawaran-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong/syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Keterangan skop kerja berkenaan bolehlah diambil semasa waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.30 petang hingga 3.00 petang dan Hari Sabtu 8.00 pagi hingga 10.00 pagi daripada **Bahagian Kewangan, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Jalan Serasa, Muara BT1728, Negara Brunei Darussalam**.

Dokumen berkenaan bolehlah diambil bermula pada **24 Disember 2014**. Yuran sebanyak $5.00 dikenakan bagi setiap sebutharga.

3. Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

4. Tawaran mestilah dihadapkan didalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) tanpa menyatakan nama pemborong yang bertanda **'TAJUK-TAJUK TAWARAN'** di bahagian atas sebelah kiri dan dihantar kepada alamat berikut:

**PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUTHARGA**
**JABATAN LAUT,**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN,**
**KAWASAN PERINDUSTRIAN,**
**SERASA, MUARA BT1728,**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

5. Sampul surat hendaklah dimasukkan ke dalam Kotak Sebutharga, Tingkat Bawah, Kaunter Penyambut Tetamu, Jabatan Laut. Semua tawaran hendaklah sampai ke alamat yang dinyatakan.

6. Pemborong yang berjaya akan menjalankan kerja-kerja berkenaan dalam tempoh seperti yang didalam skop kerja berkenaan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima sebarang tawaran yang tertinggi atau apa-apa jua bentuk tawaran.

8. Syarikat-syarikat hendaklah menyertakan dokumen-dokumen berikut dengan lengkap yang berdaftar dan masih sah di Negara Brunei Darussalam :-

**i. Lesen Perniagaan 16/17**
**ii. Sijil Pendaftaran Kontraktor Dan Pembekal Dari Kementerian Pembangunan**
**iii. Daftar Pemilik Syarikat (Borang X)**

9. Syarikat-syarikat yang ikut serta adalah dikehendaki untuk menetapkan tempoh sah laku selama enam (6) bulan daripada tarikh tutup tawaran.

10. Sebarang pertanyaan dan penerangan lanjut bolehlah menghubungi di talian 2771347 sambungan 270.

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG - PEMBORONG YANG BERDAFTAR DALAM KELAS II, III & IV, KATEGORI: P01 SAHAJA**

**BILANGAN: JKR/DWS/001/2015**

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR METER AIR DAN BARANG-BARANG TAMBHAAN KE STOR, JABATAN PERKHIDMATAN AIR, TASEK LAMA**

**SUPPLY ADN DELIVERY OF WATER METER AND ACCESSORIES TO DEPARTMENT OF WATER SERVICES STORE, TASEK LAMA**

**YURAN TAWARAN: BND50.00**
**(TIDAK DIKEMBALIKAN)**
**JUMLAH YURAN : BND50.00**
**Hingga jam 2.30 petang, Hari Selasa : 20 Januari 2015**

**Tarikh Tutup: 3 Februari 2015**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

---

**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari Pemborong - Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam **Kelas 3, Bagi Kategori Kerja B01, E01 & E02**, Pemborong mempunyai pengalaman dengan kerja-kerja tersebut selama tempoh tidak kurang (5) lima tahun kebelakangan dengan baik bagi :

**Projek: MENGUBAHSUAI, MEMBAIKI KEROSAKAN DAN MENAIKTARAF RUMAH TUMPANG SEMENTARA DI BAWAH KAWALAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN**
**"Baikpulih Rumah Teres Unit No.15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23 & 24, Spg. 165-79, Jln. 99, Rumah Teres RPN Kg. Rimba, Gadong, Negara Brunei Darussalam."**
**No. Project : JKP / 31 / 2014**

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan tawaran boleh dilihat dan didapati di Tingkat 4, Bahagian Perancangan Projek, Jabatan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 2.30 Petang, **Hari Isnin, 19 Januari 2015.**

Tawaran Buka : **7 Januari 2015 (Rabu)**
Tarikh Akhir Mengambil Dokumen
Tawaran : **19 Januari 2015 (Isnin)**
Tawaran Tutup : **27 Januari 2015 (Selasa)**
Tempat Tutup :
**Lembaga Tawaran Kecil,**
**Tingkat Bawah,**
**Kementerian Pembangunan,**
**Negara Brunei Darussalam.**
Yuran Tawaran : **BND30.00**
**(Tidak dikembalikan)**
Yuran Dokumen - E : **BND5.00**
**(Tidak dikembalikan)**
(Dokumen dan Lukisan Tawaran)

**Waktu Pembayaran Yuran Tawaran Dan Yuran Dokumen / Lukisan Tawaran**
**Bulan Biasa :**
Isnin - Khamis : 8.00 Pagi - 2.30 Petang
Sabtu : 8.00 Pagi - 10.30 Pagi

**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN**

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan kedalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan didalam iklan.

2. Tawaran ditutup pada **Hari Selasa, 27 Januari 2015, tidak lewat jam 2.00 Petang.**

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk dan No. Projek serta alamat tempat menghantar tanpa menunjukkan identity penawar.

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi daripada Jabatan Kemajuan Perumahan Bahagian Perancangan Projek Tingkat 4, Negara Brunei Darussalam. Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran dan lukisan adalah **tidak lewat daripada 19 Januari 2015, Hari Isnin jam 2.30 Petang.**

5. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki untuk membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan.

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

8. Tawaran akan dikira sahlaku dalam tempoh 90 hari dan tarikh akhir menghantar tawaran.

9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan : LTN/4(39/1997).

10. Wakil Syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh Syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari Syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.

---

**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**1. Projek : 2 Years Term Contract for Maintenance of All Drains, Culverts, Grass Cutting All Necessary Works Along Public Road at STKRJ Kampung Telisai, Tutong, Negara Brunei Darussalam**
**No. Projek : JKP / 05 / 2014**
**Tawaran Buka : 7 Januari 2015 (Rabu)**
**Tawaran Tutup: 20 Januari 2015 (Selasa) - Tidak lewat Jam 2.00 petang**
**Tempat Tutup :**
**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB 3510, Negara Brunei Darussalam.**
**Yuran Tawaran : BND30.00**
**(Tidak dikembalikan)**
**Kelas : II**
**Kategori : S03**
**Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pengurusan Estit dan Perumahan, Jalan Surapit, Perpindahan Berakas, Negara Brunei Darussalam**

**2. Projek : 2 Years Term Contract for Maintenance of All Drains, Culverts, Grass Cutting Etc Along Public Road at RPN/ST-KRJ Kampung Mata-Mata Gadong Negara Brunei Darussalam**
**No. Projek : JKP / 32 / 2014**
**Tawaran Buka : 7 Januari 2015 (Rabu)**
**Tawaran Tutup: 20 Januari 2015 (Selasa) - Tidak lewat Jam 2.00 petang**
**Tempat Tutup :**
**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB 3510, Negara Brunei Darussalam.**
**Yuran Tawaran : BND30.00**
**(Tidak dikembalikan)**
**Kelas : II**
**Kategori : S03**

**3. Projek : 2 Years Term Contract for Maintenance of All Drains, Culverts, Grass Cutting Etc Along Public Road at RPN/ST-KRJ Kampung Tungku Gadong Negara Brunei Darussalam**
**No. Projek : JKP / 33 / 2014**
**Tawaran Buka : 7 Januari 2015 (Rabu)**
**Tawaran Tutup: 20 Januari 2015 (Selasa) - Tidak lewat Jam 2.00 petang**
**Tempat Tutup :**
**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB 3510, Negara Brunei Darussalam.**
**Yuran Tawaran : BND30.00**
**(Tidak dikembalikan)**
**Kelas : II**
**Kategori : S03**

**4. Projek : 2 Years Term Contract for Maintenance of All Drains, Culverts, Grass Cutting Etc Along Public Road at RPN/ST-KRJ Kampung Katok Gadong Negara Brunei Darussalam**
**No. Projek : JKP / 34 / 2014**
**Tawaran Buka : 7 Januari 2015 (Rabu)**
**Tawaran Tutup: 20 Januari 2015 (Selasa) - Tidak lewat Jam 2.00 petang**
**Tempat Tutup :**
**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB 3510, Negara Brunei Darussalam.**
**Yuran Tawaran : BND30.00**
**(Tidak dikembalikan)**
**Kelas : II**
**Kategori : S03**

**5. Projek : 2 Years Term Contract for Maintenance of All Drains, Culverts, Grass Cutting Etc Along Public Road at RPN/ST-KRJ Kampung Rimba Gadong Negara Brunei Darussalam**
**No. Projek : JKP / 35 / 2014**
**Tawaran Buka : 7 Januari 2015 (Rabu)**
**Tawaran Tutup: 20 Januari 2015 (Selasa) - Tidak lewat Jam 2.00 petang**
**Tempat Tutup :**
**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB 3510, Negara Brunei Darussalam.**
**Yuran Tawaran : BND30.00**
**(Tidak dikembalikan)**
**Kelas : II**
**Kategori : S03**

**6. Projek : 2 Years Term Contract for Maintenance of All Drains, Culverts, Grass Cutting Etc Along Public Road at RPN/ST-KRJ Kampung Lumapas Negara Brunei Darussalam**
**No. Projek : JKP / 33 / 2014**
**Tawaran Buka : 7 Januari 2015 (Rabu)**
**Tawaran Tutup: 20 Januari 2015 (Selasa) - Tidak lewat Jam 2.00 petang**
**Tempat Tutup :**
**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB 3510, Negara Brunei Darussalam.**
**Yuran Tawaran : BND30.00**
**(Tidak dikembalikan)**
**Kelas : II**
**Kategori : S03**

Dokumen-Dokumen tawaran dan lukisan - lukisan boleh dilihat dan didapati di **Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pengurusan Estit dan Perumahan, Jalan Surapit, Perpindahan Berakas, Negara Brunei Darussalam** sehingga **Sabtu, 17 Januari 2015 jam 10.00 pagi.**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN**

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.

2. Tawaran - tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan, **TIDAK** akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan didalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk dan No. Projek serta alamat tempat menghantar, tanpa menunjukkan identiti penawar.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi daripada **Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pengurusan Estit dan Perumahan, Jalan Surapit, Perpindahan Berakas, Negara Brunei Darussalam.**

5. Yuran tawaran yang dikenakan tidak akan dikembalikan kepada pemborong.

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong-pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa **pemborong-pemborong adalah berdaftar di Negara Brunei Darussalam.**

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

9. Tawaran akan dikira sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.

KEMENTERIAN KESIHATAN

# PEMINDAHAN DAN PENGGUNAAN PUSAT PEREMPUAN DAN KANAK-KANAK

## HOSPITAL RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA, KEMENTERIAN KESIHATAN



Perkhidmatan-Perkhidmatan Obstetrik & Ginekologi ditempatkan di aras-aras

**Aras Bawah, 1,7,8 & 9**

Perkhidmatan-Perkhidmatan Pediatrik

**Aras 2,3,5 & 6**

Bermula **12 JANUARI 2014**, Perkhidmatan Obstetrik dan Ginekologi serta Perkhidmatan Pediatrik akan **BERPINDAH** ke Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak

- **Aras 9**: Wad 34 dan Wad 35 (Perkhidmatan Obstetrik & Ginekologi)
- **Aras 8**: Wad 32 dan Wad 33 (Perkhidmatan Obstetrik & Ginekologi)
- **Aras 7**: Wad 30 dan Wad 31 (Perkhidmatan Obstetrik & Ginekologi)
- **Aras 6**: Wad 28 (Wad Ongkologi) dan Wad 29 (Wad Hematologi)
- **Aras 5**: Wad 26 (Wad Pengasingan) dan Wad 27 (Wad Umum)
- **Aras 4**: Aras Pentadbiran
- **Aras 3**: Unit Akut Pediatrik, Unit 'High Dependancy' Pediatrik dan Unit Rawatan Rapi Pediatrik
- **Aras 2**: Unit Rawatan Rapi Anak Damit (NICU) dan Unit Rawatan Khas Anak Damit (SCBU)
- **Aras 1**: 'Day ward' Obstetrik, Bilik Pembedahan Obstetrik, Suite Bersalin, Unit Fertiliti dan 'Wad 'First Stage'
- **Aras Bawah**: Klinik Obstetrik & Ginekologi, Klinik Pediatrik Kaunter Pembayaran dan Kaunter Farmasi
- **Basement 1**: Tempat Letak Kereta Kakitangan
- **Basement 2**: Tempat Letak Kereta Awam

laman web: www.moh.gov.bn
hotline: 8233991

# LALUAN PERKHIDMATAN *SHUTTLE BUS LINK* HOSPITAL RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA

**Bermula pada hari Sabtu, 10 Januari 2015, laluan perkhidmatan bas ulang-alik (*Shuttle Bus*) akan mula beroperasi seperti berikut:**

- **3 buah bas ulang-alik dari Perhentian Bas 1 ke Lobi Pusat Perempuan & Kanak-Kanak (W&C) dan Bahagian Pesakit Luar (OPD).**
- **3 buah bas ulang-alik dari Perhentian Bas 2 ke Bahagian Pesakit Luar (OPD)**

**Perkhidmatan *Shuttle Bus* ini adalah secara PERCUMA dan hanya beroperasi pada waktu yang telah ditetapkan dan pada hari-hari bekerja sahaja.**




**Laluan *shuttle bus* bagi W&C dan OPD**
**(Perhentian Bas 1)**

**Waktu Beroperasi:**

**Jam 6 pagi – 6 petang**
- **3 buah bas disediakan**

**Jam 6 petang – 11 malam**
- **2 buah bas disediakan**







**Laluan *shuttle bus* bagi OPD**
**(Perhentian Bas 2)**

**Waktu Beroperasi:**

**Jam 6 pagi – 6 petang**
- **3 buah bas disediakan**

**Jam 6 petang – 11 malam**
- **2 buah bas disediakan**



JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

**PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan masukkan ke dalam **Peti Lembaga Tawaran Kecil KPSU, Tingkat Bawah,** Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam.

**Tidak lewat dari jam 2.00 petang, pada hari Selasa, 20 Januari 2015.**

**JPt/TAW/19/2014-2015:**
**BIO INNOVATION CORRIDOR ZONE A (AGROTECHNOLOGY PARK) LANDSCAPE MAINTENANCE**
**(Yuran Tawaran $50.00 )**
**Tidak lewat dari jam 2.00 petang, pada hari Selasa, 3 Februari 2015.**

**JPt/TAW/20/2014-2015:**
**MARKET INTELLIGENCE ON LOCAL RICE AND SELECTED AGRICULTURAL COMMODITIES PILOT STUDY**
**(Yuran Tawaran $50.00 )**

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang dietapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.

4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolei dari Ibu Pejabat Pertanian dan Agrimakanan Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.

5. Yuran Tawaran adalah dikehendaki bagi setiap tajuk dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

8. The Contractor/Company should be registered with Department of Agriculture and Agrifood and the Ministry of Development, Negara Brunei Darussalam holding a registration certificate for **Class IV category KPB12.**
**(JPt/TAW/19/2014-2015)**

9. Semua Penender dan/atau wakilnya hendaklah **dimestikan** hadir untuk mendengar sesi taklimat dan penerangan mengenai tawaran di atas pada **14 Januari 2015(bagi projek bil.(i) dan 21 Januari 2015 (bagi Projek bil.(ii) (hari Rabu) jam 2.00 petang (Bilik Suria) di Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.**

10. Penjualan borang dokumen tawaran berakhir diatas seperti berikut:-

**i. JPt/TAW/19/2014-2015:**
**BIO INNOVATION CORRIDOR ZONE A (AGROTECHNOLOGY PARK) LANDSCAPE MAINTENANCE**
**(Yuran Tawaran $50.00)**
**Penjualan berakhir pada 14 Januari 2015 (hari Rabu) Jam 2.30 petang.**

**ii. JPt/TAW/20/2014-2015:**
**MARKET INTELLIGENCE ON LOCAL RICE AND SELECTED AGRICULTURAL COMMODITIES PILOT STUDY**
**(Yuran Tawaran $50.00)**
**Penjualan berakhir pada 21 Januari 2015 (hari Rabu) Jam 2.30 petang.**

11. Tawaran-tawaran yang diiklankandi atas boleh dilayari melalui laman web Jabatan Pertanian seperti berikut:-
Website: **http//www.agriculture.gov.bn**

JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

**JABATAN PENERBANGAN AWAM**
**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**Syarat-Syarat Tawaran:**

1. TAWARAN adalah dipelawa untuk Projek E-Kerajaan **"THE DESIGN, DEVELOP, SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, INTEGRATION, TESTING, TRAINING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF AIRPORT WEB AND MANAGEMENT SERVICE (AWMS) FOR DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION, MINISTRY OF COMMUNICATIONS".**

2. Tawaran hendaklah dihanatar dalam sampul surat yang bertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong dengan ditulis dengan:

**"THE DESIGN, DEVELOP, SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, INTEGRATION, TESTING, TRAINING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF AIRPORT WEB AND MANAGEMENT SERVICE (AWMS) FOR DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION, MINISTRY OF COMMUNICATIONS"**
**Bilangan Sebutharga: JPA/EGOV/02**
**Tarikh tutup: 27 Januari 2015**
**(Hari Selasa)**
**Kepada:**
**Peti Lembaga Tawaran Kecil**
**Tingkat 4,**
**Kementerian Perhubungan**
**Jalan Menteri Besar BB3910**
**Bandar Seri Begawan**
**Brunei Darussalam**

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Jawatankuasa Sebutharga **tidak lewat jam 2.00 petang Hari Selasa, 27 Januari 2015**. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen bolehlah diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Negara Brunei Darussalam iaitu semasa hari-hari bekerja (Isnin-Khamis dan Sabtu) dengan bayaran sebanyak **$100.00 (hardcopy) dan $5.00 (sofcopy) yang tidak dikembalikan.**

5. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Negara Brunei Darussalam.

**Telephone: 2330142 ext 1010**
**Fax: 2333666**

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

7. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui lama **web http://www.civil-aviation.gov. bn**

PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

PENENDER - PENENDER adalah dipelawa untuk mengemukakan tawaran bagi 1 kerja berikut :

**1. T/004/HQ/2014 -T (R)**
**TO SUPPLY, DELIVER, TESTING AND COMMISSIONING PASSENGER VAN COMPLETE WITH EQUIPMENTS AND STANDARD ACCESSORIES FOR ROYAL BRUNEI POLICE FORCE (2 UNIT)**
**Yuran Tawaran : $10.00**
**(Tidak Dikembalikan)**

1. Dokumen tawaran boleh diperolehi daripada **Unit Pembelian dan Perbekalan, Bilik 6, Tingkat 2, Ibu Pejabat Polis Gadong pada waktu bekerja iaitu Hari Isnin hingga Hari Khamis dari Jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang dan Hari Sabtu dari jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi.**

2. Tawaran - tawaran hendaklah dihantar kealamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong **tidak lewat jam: 2.00 petang, hari Selasa, 20 Januari 2015:**

**Pengerusi**
**Lembaga Tawaran Kecil,**
**Jabatan Perdana Menteri,**
**Level 1 Bangunan**
**Jabatan Perdana Menteri**
**Jalan Menteri Besar,**
**Bandar Seri Begawan,**
**Negara Brunei Darussalam.**

3. Yuran Tawaran (Tender Fee) dikehendaki dibayar dengan WANG TUNAI sahaja dan wang tidak dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bon-fide tender). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam Iklan Tawaran. Pembayaran boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi di Bahagian Kewangan, Tingkat I, Ibu Pejabat Polis Gadong.

4. Penender-penender yang menyertai tawaran ini hendaklah mempunyai Sijil Perniagaan yang masih sahlaku. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan, seperti nama pemilik, nombor kad pengenalan atau nombor passport pemilik dan salinan kad pengenalan dan passport hendaklah disertakan bersama.

5. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

6. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (bon-fide-tender).

7. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garispandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

8. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah dinyatakan Rujukan dan Tajuk Tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran itu sepertimana yang diiklankan.

# 16 negara sertai BISAM Ke-11



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah menyerahkan bendera Negara Brunei Darussalam kepada Ketua Kontinjen Negara bagi BISAM Ke-11, Leftenan Kolonel Abidin bin Haji Timbang.

**TUTONG**, Rabu, 7 Januari. - Kejohanan Menembak BISAM Ke-11 anjuran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) akan diadakan di Padang Tembak Binturan, Penanjong Garison, Daerah Tutong bermula 20 Januari hingga 31 Januari 2015 ini.

Sebanyak 16 buah negara termasuk Brunei akan menyertai kejohanan kali ini yang merupakan penyertaan paling ramai sejak ia diadakan pertama kali pada tahun 1985.

Sehubungan itu, satu Upacara Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada kontinjen negara yang terdiri daripada pasukan penembak ABDB dan pasukan penembak Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), berlangsung di Padang Tembak Binturan, Penanjong Garison, Daerah Tutong, di sini.

Upacara penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah yang seterusnya menyerahkan kepada Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam, Leftenan Kolonel Abidin bin Haji Timbang.

Pada majlis tersebut, Pemerintah ABDB turut memberikan ucapan dan kata-kata nasihat kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam tentang kepentingan dan keistimewaan kejohanan tersebut, yang mana Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah serta akan mempamerkan penyertaan dari negara-negara luar yang terbesar sekali termasuk Amerika Syarikat dan China.

Yang Dimuliakan Pemerintah ABDB juga menyarankan tentang kepentingan menjaga disiplin, profesionalisme yang tinggi serta latihan yang berterusan sebagai kunci utama menuju kejayaan.

Seramai 82 anggota dari ABDB akan terlibat pada kejohanan tersebut sebagai Brunei Darussalam 'A' dan Brunei Darussalam 'B', manakala seramai 32 anggota dari PDB sebagai Brunei Darussalam 'C'.

BISAM yang akan berlangsung selama 11 hari pada tahun ini akan menyaksikan kemasukan baru *marksmen* dan penembak dari negara China, Republik Filipina, Thailand dan Amerika Syarikat ke dalam kumpulan pesaing tetap BISAM dari Australia, Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Singapura dan United Kingdom, termasuk kemunculan semula dari Republik Demokratik Rakyat Lao, New Zealand, Kesultanan Oman, Republik Sosialis Viet Nam dan Republik Islam Pakistan.

Negara Brunei Darussalam pula akan diwakili oleh penembak dari ketiga-tiga unit ABDB dan PDB.

Turut hadir semasa upacara penyerahan ini ialah Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Wardi bin Abdul Latip; Pengerusi BISAM Ke-11, Leftenan Kolonel Hasmee bin Haji Abd. Wahab, pegawai-pegawai kanan, wakil daripada PDB, pegawai-pegawai ABDB dan komiti-komiti BISAM Ke-11.

# BISAM tingkatkan kemahiran menembak



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah bergambar ramai bersama anggota ABDB dan Pasukan Polis Diraja Brunei yang akan menyertai BISAM Ke-11.

**TUTONG**, Khamis, 8 Januari. - Kejohanan berprestij Acara Menembak Antarabangsa Brunei atau BISAM (Brunei International Skill-At-Arms Meet) akan diadakan di Kompleks Padang Tembak Binturan, Penanjong Garison, Daerah Tutong bermula 20 hingga 31 Januari 2015.

Ia bertujuan untuk mengenal pasti penembak terbaik antara satu sama lain dalam persekitaran menembak yang teliti dan mencabar, yang mana tumpuan ini memastikan bahawa kemahiran menembak diperlukan dalam satu pasukan pertahanan moden.

BISAM dihoskan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan ini kali yang ke-11 diadakan, di mana sejumlah 16 buah negara termasuk Brunei akan bersaing dalam kejohanan ini iaitu penyertaan terbesar BISAM sejak pertama kali diadakan pada tahun 1985.



BISAM diadakan tiga tahun sekali, dan tahun ini acaranya akan berlangsung selama 11 hari yang menyaksikan kemasukan baru *marksmen* dan penembak dari negara China, Republik Filipina, Thailand dan Amerika Syarikat ke dalam kumpulan pesaing tetap BISAM terdiri daripada Australia, Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Singapura dan United Kingdom, termasuk kemunculan semula dari Republik Demokratik Rakyat Lao, New Zealand, Kesultanan Oman, Republik Sosialis Viet Nam dan Republik Islam Pakistan. Negara Brunei Darussalam akan diwakili oleh penembak dari ketiga-tiga unit ABDB dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

BISAM bertujuan untuk meningkatkan taraf kemahiran menembak dalam tentera kelas tertinggi, penetapan antarabangsa bagi pertandingan menembak tertinggi, di samping memberi peluang untuk meningkatkan kerjasama ketenteraan antara peserta, dalam semangat kesukanan, walaupun pakaian seragam yang berbeza, pertandingan itu juga berfungsi sebagai platform yang bermakna untuk menggalakkan muhibah dan menjalin hubungan yang lebih rapat secara peribadi dan profesional.

DOA dipohonkan bagi kejohanan berprestij Acara Menembak Antarabangsa Brunei atau BISAM (Brunei International Skill-At-Arms Meet) berjalan lancar dengan sempurna dan berjaya.

Sejak tahun 1985, BISAM telah menjadi kejohanan menembak tentera terunggul Brunei, dengan reputasinya di seluruh dunia. Pertandingan menembak tersebut terbuka kepada anggota Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara.

Tahun ini, angkatan pertahanan antarabangsa terdiri daripada Tentera Pertahanan Australia, Angkatan Bersenjata Diraja Kemboja, Tentera Pembebasan Rakyat China, Angkatan Tentera Indonesia, Tentera Rakyat Lao, Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Pertahanan New Zealand, Angkatan Tentera Raja Oman, Angkatan Tentera Pakistan, Angkatan Tentera Filipina, Angkatan Tentera Singapura, Angkatan Tentera Diraja Thailand, British Royal Gurkha Rifles, AS Batalion 1 dan 1 Pasukan Khas Angkatan Tentera Rakyat Viet Nam akan bersaing dengan ABDB dan PDB.

# Urus sistem pengangkutan darat secara sistematik

**Dari muka 1**

“Pengguna sebeginilah yang akan membentuk masyarakat pintar (Smart Society) seperti yang dihasratkan. Mereka dapat memanfaatkan maklumat, membuat tindakan yang bijak, mengutamakan keselamatan, mengamalkan sikap yang berhemah dan mematuhi peraturan lalu lintas,” ujarnya.

Yang Berhormat menjelaskan, penerbitan buku itu juga merupakan inisiatif kementerian berkenaan dalam memastikan sistem pengangkutan darat di Negara Brunei Darussalam diurus tadbir secara sistematik dan berkesan.

Tambahnya, usaha ke arah keberkesanan sistem dan pemberian perkhidmatan akan terus diungkayahkan oleh JPD yang mana buku tersebut mengandungi maklumat mengenai hal ehwal peroperasian di JPD seperti perlesenan, pendaftaran dan pemeliharaan kenderaan.

Dengan adanya maklumat sebagai rujukan itu diharap urusan, jelasnya, akan menjadi semakin mudah dan ringkas. Pendekatan berteraskan pendidikan dan penyebaran maklumat secara efektif akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Ia juga selaras dengan Pelan Tindakan Negara ‘Decade of Action for Road Safety 2011-2020’.

Oleh itu, Yang Berhormat menyeru agar langkah *reaching out to the public* ini, khususnya bagi perkara yang mempunyai hubung kait secara terus (*direct*) dengan orang ramai untuk dijalankan dari semasa ke semasa.

Pihak JPD kini mengenal pasti langkah penyelesaian bagi perkara-perkara tersebut dengan mengadakan kerjasama pelbagai pihak termasuk para pembekal dan seterusnya akan dapat menyumbang kepada perkhidmatan yang menjadi kemudahan orang ramai.

Yang Berhormat juga menyarankan JPD akan sentiasa mengongsikan sebarang maklumat serta perkembangan yang terkini dan tepat kepada pengguna.

# Patuhi tanda-tanda arahan di LTAB

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 8 Januari. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) dan Jabatan Penerbangan Awam (JPA), Kementerian Perhubungan memaklumkan bahawa jambatan penghubung berlepas yang baru di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) mula beroperasi hari ini.

Seperti lazimnya, para penumpang perlu melakukan pemeriksaan keselamatan dan pasport di penempatan semula kawasan kawalan keselamatan yang ditempatkan di jambatan penghubung berlepas yang baru itu.

Dengan pembukaan jambatan berlepas yang baru ini, laluan yang sedia ada melalui bekas balai berlepas akan ditutup bagi membolehkan kerja-kerja pembinaan.

Oleh itu, akses mesin juruwang automatik bagi Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan pejabat pos ditutup sementara sehingga suatu tarikh yang akan diumumkan kemudian.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah diingatkan untuk mematuhi peraturan keselamatan dan tanda-tanda arahan yang terdapat di sekitar lapangan terbang ini.

Pada saat LTAB ini menjalani projek-projek pemodenan, LKEB dan JPA memohon kerjasama semua penumpang dan pengguna lapangan terbang tersebut serta memohon maaf atas sebarang kesulitan dan ketidakselesaan yang disebabkan oleh kerja-kerja yang sedang dijalankan.



**MESIN** kawalan keselamatan yang ditempatkan di laluan penghubung berlepas yang baru.

# Pembabitan sekolah swasta dihargai

**Dari muka 1**



**TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Jubli Perak Sekolah PERTAMA Daerah Tutong.**

Sementara itu Yang Di-Pertua PERTAMA, Awang Haji Osman bin Haji Yassin dalam ucapan alu-aluannya terdahulu antara lain menjelaskan tujuan sambutan Jubli Perak sekolah ini diadakan iaitu untuk mengenang dan menghargai jasa pemimpin-pemimpin pengasas sekolah ini, selain membarigakan bahawa sekolah ini adalah hasil perjuangan ahli-ahli PERTAMA yang sanggup memodali dari segi kewangan dan memberi sokongan moral terhadap usaha kepimpinan ahli-ahli jawatankuasa sejak 25 tahun yang lalu yang diterajui oleh Yang Di-Pertua PERTAMA, Tuan Haji Md. Zain bin Tengah.

Beliau juga mengimbas kembali usaha-usaha membarigakan rancangan membina sekolah swasta bertempat di Pekan Tutong yang giat dilaksanakan mulai tahun 1988 yang mana projek tersebut dimulai pada bulan 1989 setelah sumber kewangan lebih BND300,000 berjaya dikumpul melalui penjualan saham daripada ahli-ahli PERTAMA.

“Atas kepercayaan dan sokongan ahli-ahli PERTAMA, projek tersebut berjaya dilaksanakan dan pada 8 Januari 1990, bermulanya persekolahan di Sekolah PERTAMA ini di mana pada tahun pertama persekolahan itu, sekolah mempunyai seramai 511 orang murid dengan 22 orang tenaga pengajar,” ujarnya.

Majlis pada dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Kampung Tanjong Maya, Awang Haji Abdul Nuin bin Hassan.



**SAMBUTAN Jubli Perak Sekolah PERTAMA diserikan dengan persembahan Nasyid ‘Anak Solehah dan Nyanyian Bersajak ‘Tommorow’ daripada murid-murid sekolah berkenaan.**

Antara perisian majlis termasuklah persembahan Nasyid ‘Anak Solehah’, Bacaan Berirama ‘Situasi Dalam Kelas Belajar’ dan Nyanyian Bersajak ‘Tommorow’ daripada murid-murid sekolah berkenaan dan juga penyampaian sijil dan cenderamata kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Pengasas Sekolah PERTAMA, Tutong, mantan guru-guru Sekolah PERTAMA dan guru-guru yang telah berkhidmat 25 tahun (1990-2015).

Pada majlis ini tetamu kehormat juga menandatangani Plak Jubli Perak Sekolah PERTAMA serta menyaksikan pameran galeri sekolah berkenaan.

Turut hadir ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit dan Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahim bin Derus serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

# Kes kemalangan jalan raya menurun pada tahun 2014

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 8 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) memaklumkan sepanjang tahun 2014 dan minggu pertama bulan Januari 2015 (1-7 Januari 2015) ini, Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL) telah mengambil tindakan ke atas para pemandu yang telah didapati melakukan pelbagai kesalahan lalu lintas semasa mengadakan operasi penguatkuasaan mahupun semasa rondaan penguatkuasaan lalu lintas.

Dalam rekod yang dikeluarkan oleh PDB melalui JSKLL pada tahun 2014, sebanyak 3,366 kes pelbagai jenis kemalangan jalan raya telah dilaporkan di balai-balai polis di negara ini, yang mana jumlah kes kemalangan jalan raya telah meningkat sebanyak 1 peratus daripada tahun 2013 yang mencatatkan sebanyak 3,338 kes.

Seramai 24 orang pula telah terkorban akibat nahas di jalan raya berbanding dari tahun 2013 yang mencatatkan sebanyak 32 orang. Pada tahun 2014 juga jumlah mangsa yang terkorban telah menurun sebanyak 25 peratus dari tahun sebelumnya (2013).

Sementara itu, 42 orang telah mendapat cedera parah akibat nahas di jalan raya berbanding dari tahun 2013 yang mencatatkan sebanyak 64. Jumlah mangsa yang mendapat kecederaan parah telah menurun sebanyak 32 peratus dari tahun sebelumnya (2013).

Manakala seramai 392 orang pula mendapat cedera ringan akibat nahas di jalan raya berbanding dari tahun 2013 yang mencatatkan sebanyak 446 orang. Pada tahun 2014 jumlah mangsa yang terkorban telah menurun sebanyak 12 peratus dari tahun sebelumnya (2013).

Pada minggu pertama bulan Januari 2015, JSKLL telah merekodkan sebanyak 314 kes atas pelbagai kesalahan lalu lintas iaitu 270 kes dari Cawangan Gadong dan 44 kes dari Cawangan Belait, Batu 3.

PDB juga menekankan kepada para pengguna jalan raya agar sentiasa mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang lalu lintas di negara ini, di samping hendaklah sentiasa meningkatkan keselamatan di jalan raya serta berhati-hati ketika berada di jalan raya terutama sekali dengan keadaan cuaca (hujan) yang tidak menentu ketika ini.

**AWASI ANAK-ANAK DARI JADI MANGSA JENAYAH SIBER**

دتربيتکن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن کراجاٴن، نݢارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.